

BAB

KEDUA

## BAB KEDUA

### GHARAR MENURUT PERSPEKTIF FIQH ISLAM

#### Pendahuluan.

Huraian berkenaan dengan konsep *gharar* secara terperinci akan disebut oleh penulis dalam bab yang kedua ini. Pada hemat penulis adalah amat wajar untuk diteliti dahulu selok-belok tentang persoalan *gharar* menurut pandangan fiqh secara yang lebih mendalam dan hingga ke akar umbinya meliputi pentaelilan hukumnya yang asal.

Penulis memulakannya dengan perbincangan tentang maksud *gharar* dari segi bahasa dan istilah para *fugahā'*. Kemudian masalah *gharar* diselidiki melalui pemahaman dan pemakaian nasnya sehingga menemui jenis-jenis *gharar* menurut kapasitinya yang wujud dalam sesuatu akad jual-beli. Di samping itu, penulis akan menyenaraikan secara ringkas jenis-jenis jual-beli yang dikatakan mengandungi *gharar* sama ada yang diambil melalui nas ataupun melalui kaedah qias pada akad yang tidak disebutkan oleh nas.

Walau bagaimanapun, penulis akan membincangkan juga dua akad yang diharuskan dan dikecualikan daripada larangan berurusniaga walaupun ia juga mengandungi *gharar*, iaitu *bay' al-salam* dan *bay' al-istiṣnā'*.

Seterusnya penulis mengakhiri bab ini dengan membincangkan secara terperinci beberapa akad jual-beli yang mengandungi *gharar* sepetimana yang telah ditulis oleh para ulama' yang terdahulu. Melalui kefahaman ini dapatlah penulis membuat perbandingan secara adil terhadap bentuk-bentuk jual-beli yang wujud pada hari ini. Pun begitu, penulis tidaklah berhasrat untuk menulis kesemua jenis jual-beli yang mengandungi *gharar* sebagaimana yang termuat di dalam perbendaharaan fiqh Islam semenjak zaman *salaf al-ṣālih*. Tetapi penulis hanya mengambil beberapa jenis urusniaga yang dikira kerap diperkatakan serta yang mempunyai hubungkait dengan permasalahan semasa yang menjadi fokus dalam penulisan ini.

## 2.1 Pengertian *Gharar*

### 2.1.1 Pengertian *Gharar* Dari Segi Bahasa Arab

Perkataan *gharar* berasal dari kata *gharra* (غَرَّهُ يَغْرِهُ غَرًّا وَ غَرْوَةً) <sup>199</sup> di mana daripada pecahan kata tersebut lahirlah kata nama terbitan *gharar*. Ia pada asalnya menurut bahasa Arab mengandungi beberapa makna iaitu :-

1. Ketidakpastian ( الخطـر ) <sup>200</sup> bahaya atau berisiko. Sebagaimana yang terdapat di dalam hadis <sup>201</sup>:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ (ص) عَنْ بَيْعِ الْحَصَادِ وَ عَنْ بَيْعِ الْغَرْرِ

<sup>199</sup> Al-Zubaydi, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 443

<sup>200</sup> Ibn Manzūr, *op. cit.*, jil. 5, m.s.13 ; al-Zubaydi, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 443; al-Rāzī, Muḥammad Abū Bakr, *Mukhtār al-Ṣīḥāḥ*, 1995, cet. pertama, Bayrūt: al-Maktabah al-Asriyyah, m.s. 446; *al-Mu'jam al-Wasīṭ*, juz. 2, m.s. 684

<sup>201</sup> Diriwayatkan oleh Muslim, lihat *Šaḥīḥ Muslim Bi Sharḥ al-Nawawī*, *Kitāb al-Buyūl*, no. 1513, jil. 4, m.s. 121

Maksudnya : “Rasulullah s.a.w. melarang jual-beli *al-hasah* dan jual-beli *al-gharar*” .

Hadis di atas menjelaskan tentang larangan menjual barang atau tanah melalui lontaran batu kerana wujudnya unsur ketidakpastian dalam memperolehi barang atau memastikan keluasan tanah tersebut.

2. Penipuan (الخداع) <sup>202</sup> iaitu sebagaimana yang terdapat dalam firman Allah s.w.t. :

يَا أَيُّهَا الْإِنْسَانُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ الْكَرِيمِ

Maksudnya, “Wahai manusia, apakah yang memperdayakan kamu terhadap Tuhanmu yang Maha Pemurah”.

Terjemahan surah *al-Infiṭār* (82):6.

Dalam ayat di atas, perkataan ( ما غررك ) telah ditafsirkan oleh para ulama' sebagai ( ما خدعك )<sup>203</sup>, iaitu dengan maksud “apakah yang menipumu (memperdayaimu)”.

3. Jahil atau ketidaktahuan (الجهل) <sup>204</sup>.

Dalam *al-Mu'jam al-Wasiṭ*, *gharar* juga disebutkan sebagai<sup>205</sup> :

جهل الأمور و غفل عنها

<sup>202</sup> Ibn Manzūr, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 11; al-Zubaydī, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 443; *al-Mu'jam al-Wasiṭ*, juz. 2, m.s. 648 ; *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asāsi*, m.s. 889; al-Rāzī, *op. cit.*

<sup>203</sup> Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn, Imām Muhammad ibn ʻUmar, *Tafsīr al-Kabīr Aw Maṣāṭīḥ al-Ghayb*, 1991, cet. pertama, al-ʻAbbasīyyah: Dār al-Ghad al-ʻArabi, jil. 16, m.s. 253; Wahbah al-

<sup>204</sup> Kata al-Azharī, lihat dalam Ibn Manzūr, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 14; juga dalam al-Zubaydī, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 443, *al-Mu'jam al-Wasiṭ*, juz. 2, m.s. 648 ; lihat juga dalam *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asāsi*, m.s. 889

<sup>205</sup> *Al-Mu'jam al-Wasiṭ*, m.s. 648

dipastikan secara jelas kesudahan akad sama ada jual-beli tersebut dapat disempurnakan iaitu dengan penerimaan barang belian atau sebaliknya<sup>210</sup>.

Penulis akan mengutarakan pandangan para ulama' yang berbeza-beza itu dalam memberikan pengertian *gharar*. Definisi-definisi yang telah disebutkan itu adalah seperti berikut :-

Al-Kāsānī, ulama' daripada mazhab Ḥanafī mengatakan bahawa maksudnya ialah 'tidak pasti' iaitu tidak pasti dalam penerimaan barang jualan. Atau dengan kata lain kebarangkalian untuk menerima atau tidak dapat menerima *al-ma'qūd 'alayh* itu adalah seimbang dan tidak dapat dipastikan<sup>211</sup>. Ibn Ḥāfiẓ<sup>212</sup> pula mengatakan bahawa ia adalah jual-beli yang mempunyai suatu natijah yang terselindung yang hanya diketahui selepas majlis akad dilakukan iaitu sama ada barang jualan itu dapat diperolehi atau tidak. Bahkan beliau menambah bahawa ada juga pendapat yang mengatakan bahawa ia adalah sesuatu yang tidak pasti terhadap kesempurnaan akad tersebut.

Al-Qarāfī<sup>213</sup> daripada ulama' Mālikī pula mengatakan bahawa ia adalah suatu keadaan jual-beli yang masih tidak pasti sama ada dapat disempurnakan atau tidak. Pendapat yang lain pula mengatakan dengan lebih jelas bahawa ianya

<sup>210</sup> Muhammad Ṣalāḥ al-Ṣāwī, *op. cit.*

<sup>211</sup> Al-Kāsānī, *op. cit.*, jil. 6 m.s. 305

<sup>212</sup> Ibn Ḥāfiẓ, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 6

<sup>213</sup> Ahmad ibn Idris ibn 'Abd al-Rahmān al-Šanhājī al-Qarāfī, ulama'daripada mazhab Mālikī, lahir dan menetap di Kaherah, meninggal dunia pada tahun 684 Hijrah (1285M) – lihat dalam *al-A'fālām* jil. 1, m.s. 94-95

berkenaan penerimaan barang jualan iaitu ia adalah suatu yang tidak dapat dipastikan berhasil penerimaannya seperti jual-beli burung di udara<sup>214</sup>.

Ulama' dari mazhab Shāfi'i seperti Imam al-Nawawi<sup>215</sup> pula mengatakan bahawa *gharar* adalah sesuatu yang tersembunyi keadaannya bahkan tersembunyi pula akibat kemudiannya selepas akad (tidak dapat dipastikan keberhasilan penerimaannya oleh pembeli). Ada pendapat lain dalam mazhab ini mengatakan ia adalah sesuatu yang tidak pasti antara dua perkara, tetapi yang paling hampir berkemungkinan akan berlaku adalah yang paling tidak diingini atau ditakuti<sup>216</sup> iaitu tidak dapat menerima barang belian tersebut.

Sementara Ibn Qayyim al-Jawziyyah<sup>217</sup> yang merupakan ulama' daripada mazhab Hanbali telah memberikan beberapa pengertian yang berbeza-beza melalui beberapa bukunya iaitu :

1. *Gharar* adalah sesuatu yang tidak pasti penyerahannya sama ada ia wujud atau tidak<sup>218</sup>.
2. Sesuatu yang tidak pasti penerimaannya atau tidak diketahui keadaannya yang sebenarnya<sup>219</sup>.
3. Tidak pasti sama ada ia wujud atau tidak<sup>220</sup>.

<sup>214</sup> Al-Qarafi, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 265

<sup>215</sup> Al-Nawawi, *al-Majmu'*, jil. 9, m.s. 310

<sup>216</sup> *Ibid.*; lihat juga dalam Ābādī, *Awn al-Ma'būd*, jil. 9, m.s. 160

<sup>217</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Zād al-Ma'ād Fi Hady Khayr al-'Ibād*, 1924, Miṣr: al-Maṭba'ah al-Miṣriyyah Wa Maktabatuhā, jil. 4, m.s. 267

<sup>218</sup> Ibn Qayyim, *Filām al-Muwaqqifin 'An Rabb al-'Ālamīn*, 1993, cet. ketiga, dedit oleh Ḥishām al-Dīn al-Šibābī, al-Qāhirah: Dār al-Hadīth, jil. 1, m.s. 358

<sup>219</sup> Ibn Qayyim, *Zād al-Ma'ād*, jil. 4, m.s. 267

<sup>220</sup> *Ibid.*

Sementara gurunya pula, Ibn Taymiyyah<sup>221</sup>, meringkaskan takrifannya sebagai satu jual-beli yang tidak dapat dipastikan di akhir akadnya nanti<sup>222</sup>.

Sementara itu, Ibn Hazm<sup>223</sup> mengatakan, *gharar* itu ialah sesuatu yang tidak diketahui oleh pembeli terhadap apa yang dibelinya atau kepada penjual terhadap apa yang dijualnya. Atau ia diertikan juga sebagai suatu jual-beli yang diakadkan dengan tidak diketahui kadar dan sifatnya ketika berakad.

Shaykh al-Murtadā menerangkan bahawa menurut Shi'ah Zaydiyyah<sup>224</sup>, jualan *gharar* adalah jual-beli yang tidak pasti terhadap kewujudan barang jualan atau tidak pasti dapat menerima seperti burung di udara<sup>225</sup>. Al-Sayyid Sābiq<sup>226</sup> pula mengatakan bahawa jual-beli *gharar* ialah setiap jual-beli yang mengandungi maksud ketidaktahuan, ketidakpastian atau perjudian<sup>227</sup>. Manakala Shaykh Ṣālih bin Fawzān<sup>228</sup> mengatakan bahawa :

<sup>221</sup> Taqīy al-Dīn Abū al-‘Abbās ‘Abmad ibn Shihāb al-Dīn, lahir pada Isnin 10 Rabi’ al-Awwal 661H (1263M) – dalam Muḥammad Abū Zahrah, *Tārīkh al-Madhbāh al-Islāmiyyah*, 1996, al-Qāhirah : Dār al-Fikr al-‘Arabī, m.s. 583; Puteh Ishak, *Ibn Taymiyyah: Sejarah Hidup dan Tasawuf*, m.s. 4

<sup>222</sup> ‘Abd al-Rahmān ibn al-Qāsim, *Majmū‘ Fatāwā Ibn Taymiyyah*, jil. 3, m.s. 275 ; Ibn Taymiyyah, *al-Qawād id al-Nurāniyyah al-Fiqhiyyah*, Bayrūt : Dār al-Ma‘rifah Li al-Tabā’ah, m.s. 116

<sup>223</sup> Ibn Hazm, *op. cit.*, jil. 8, m.s. 389

<sup>224</sup> Salah satu mazhab shi'ah, dianggap sebagai satu mazhab yang tidak melampaui (mazhab yang melampaui disebut mazhab *al-bughyā*), lihat dalam al-Ash'ārī, Abū Hasan, *Kitāb Maqālāt al-Islāmiyyīn*, jil. 1, m.s. 62 dan 65; mazhab ini dikira mempunyai fahaman yang paling hampir dengan seluruh jama'ah Islam (jumhur muslimin) dan yang paling sederhana di mana mereka tidak mengakirkan sabahat dan tidak mengangkat derajat imam ke taraf nabi. Imam mereka ialah Zayd ibn ‘Alī Zayn al-‘Abidin ibn Husayn ibn ‘Alī ibn Abī Tālib. Kini didakwa masih berada di Yaman tetapi dalam aliran yang baru iaitu yang menolak kekhalifahan Abū Bakr, ‘Umar dan ‘Uthmān sedangkan pada masa dahulu mereka tidak menolaknya, lihat dalam Muḥammad Abū Zahrah, *Tārīkh al-Madhbāh al-Islāmiyyah*, m.s. 42-46

<sup>225</sup> Ahmad ibn Yaḥyā ibn al-Murtadā (m.840H), *al-Bahr al-Zukhār al-Jāmi‘ Li Madhbāh* ‘Ulamā’ al-‘Amyār’, al-Qāhirah,(1948), jil. 3, m.s. 309

<sup>226</sup> Beliau adalah ulama' mutakfir, penulis tidak pasti untuk menghubungkan beliau kepada mana-mana mazhab yang khusus.

<sup>227</sup> Al-Sayyid Sābiq, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 161

<sup>228</sup> Salah seorang ahli Majlis Ulama' Besar Sa'ūdi dan anggota majlis fatwa dan kajian ilamiyah Sa'ūdi - lihat dalam *Fiqh Wa Fatāwā al-Buyū‘*, cet. ke 2 (1996), Riyād : Maktabah Aḍwā’ al-Salaf, m.s. 12

"ia adalah kamu menipu saudara seislammu dengan menjual kepadanya sesuatu barang yang terdapat kecacatan sedangkan kamu mengetahui kecacatan itu dan tidak pula memberitahu pembeli tersebut"<sup>229</sup>."

Daripada pengertian-pengertian yang disebutkan di atas, penulis dapat membuat beberapa kesimpulan seperti berikut :-

1. Sebahagian ulama' telah memberikan pengertian yang membataskan ruang lingkup *gharar* hanya kepada persoalan ketidaktahuan terhadap *al-ma<sup>c</sup>qūd<sup>c</sup>alayh* sama ada daripada pihak pembeli mahupun penjual, seperti pengertian yang diberikan oleh Ibn Ḥazm al-Ζāhirī. Ringkasnya, *gharar* ialah apabila terdapat unsur *majhūl* (tidak tahu) terhadap *al-ma<sup>c</sup>qūd<sup>c</sup>alayh*.

Sedangkan kebanyakan ulama' yang lain memasukkan juga unsur ketidakpastian di dalam penerimaan *al-ma<sup>c</sup>qūd<sup>c</sup>alayh* ke dalam takrifan mereka, bahkan mereka menjadikan unsur ini sebagai unsur yang utama dan terpenting dalam membicarakan masalah *gharar* ini.

2. Sebahagian ulama' yang lain pula memfokuskan *gharar* ini hanya kepada unsur ketidakpastian di dalam penerimaan *al-ma<sup>c</sup>qūd<sup>c</sup>alayh* sahaja dan mengenepikan unsur ketidaktahuan seperti definisi yang diberikan oleh sebahagian daripada ulama' Hanafi.

Terdapat sedikit kekurangan di dalam pendapat ini di mana unsur ketidaktahuan (*majhūl*) tidak dimasukkan. Persoalan berkenaan keadaan sebenar *al-ma<sup>c</sup>qūd<sup>c</sup>alayh*, jenisnya, kadarnya dan sebagainya itu amat perlu untuk

---

<sup>229</sup> *Ibid.*, m.s. 136

1. Ketidakmampuan di dalam proses penyerahan barang seperti hamba yang telah lari.
  2. Atau jual-beli sesuatu yang tidak wujud (*al-ma'ādūm*).
  3. Atau yang tidak diketahui keadaannya yang sebenar (*al-majhūl*).
  4. Atau sesuatu yang tidak dimiliki secara sempurna oleh penjual.
4. Pada hemat penulis, terdapat berbagai-bagai cara penipuan boleh dilakukan di dalam urusniaga, di antaranya ialah melalui kelemahan yang wujud dalam urusniaga yang mempunyai unsur-unsur *gharar* tersebut. Penipuan boleh juga berlaku dengan cara mengurangkan timbangan dan sebagainya. Tetapi dalam konteks *gharar*, penipuannya berlaku secara tersembunyi yang pada zahirnya hanya menampakkan unsur tidak pasti dan tidak tahu. Dengan dengan kata lain, sesetengah penipuan itu berlaku kemungkinan akibat daripada kewujudan *gharar* dan sesetengahnya pula berlaku kemungkinan bukan akibat daripada unsur *gharar*.

## 2.2 *Gharar Jāhiliyyah*

Ketika Islam dibawa oleh Rasulullaw s.a.w., amalan-amalan jahiliyah yang sejak dahulu lagi telah diamal dan dipraktikkan di kalangan masyarakat Arab telah dinilai semula. Dalam konteks ekonomi, terdapat di antaranya yang diperakui oleh baginda s.a.w. dan terus diamalkan oleh umat Islam seperti konsep *al-shirkah*, *al-mudārabah*, *al-ji'ālah* dan sebagainya.<sup>233</sup>

---

<sup>233</sup> Ibn al-'Arabī, Muḥammad ibn 'Abd Allāh, *Aḥkām al-Qur'ān*, 1957, al-Qāhirah : Isā al-Bābī al-Halabī Wa Shurakāh, jil. 3, m.s. 1085

Ada sebahagiannya yang masih diharuskan pengamalannya setelah dilakukan sedikit perubahan padanya seperti dalam *bay<sup>c</sup> al-salam*, *bay<sup>c</sup> al-juzzāf* dan lain-lainnya.

Namun ada juga sebahagiannya yang terus ditolak oleh Islam sepenuhnya seperti riba dan *gharar* yang melampau (*fāḥish*), contohnya *bay<sup>c</sup> ḥabal al-ḥabalah*, *bay<sup>c</sup> al-mulāmasah* dan sebagainya.

### 2.3 Bay<sup>c</sup> Al-Gharar Menurut Ilmu Bahasa

Gabungan dua kalimah *bay<sup>c</sup>* (بيع) dan *al-gharar* (الغرر) telah membentuk satu perkataan kata nama (*ism*) yang khas. Namun telah menjadi kekhilafan ulama' dalam menentukan hubungan di antara keduanya sama ada kata nama itu adalah sejenis *māṣdar* (kata nama terbitan) dengan *mafūl* atau di antara sejenis *māṣdar* dengan jenis *māṣdar* yang lain dan sebagainya.

Ibn Taymiyyah<sup>234</sup> dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah<sup>235</sup> lebih cenderung mengatakan bahawa ia adalah daripada jenis hubungan *māṣdar* dengan *mafūl*nya, di mana dibaca juga sebagai مغزور به غرر iaitu dengan maksud jual-beli yang dijadikan tipu-daya.

Dr. Muḥammad Ṣiddiq al-Ḍarīr pula lebih cenderung mengatakan bahawa hubungannya adalah sebagai *mawṣūf* (benda yang disifatkan) kepada *sifarnya* atau digelar juga sebagai hubungan *māṣdar* kepada jenisnya. Di mana *mawṣūf*nya

<sup>234</sup> Ibn Taymiyyah, *Naẓariyyat al-<sup>c</sup>Aqd*, 1323H, Bayrut : Dār al-<sup>c</sup>Ilm, m.s. 224, 227  
<sup>235</sup> Ibn Qayyim, *Zād al-Maṭāḍ*, jil. 4, m.s. 266-267

adalah *bay*<sup>c</sup> dan sifatnya adalah *gharar* iaitu dengan maksud jual-beli yang bersifat *gharar*<sup>236</sup>.

Beliau menolak pendapat Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim dengan alasan bahawa jika ia dikatakan sebagai *idāfat al-masdār* kepada *mafūlnya*, ini akan menjadikan *gharar* itu dengan maksud yang terhad iaitu hanya pada akad sahaja tidak pada yang lainnya iaitu pada sifat barang itu sendiri. Sedangkan para ulama' telah sepakat mengatakan bahawa jual-beli *gharar* ini ditegah pada akad dan ditegah juga pada sifat akadnya seperti dalam kes *bay*<sup>c</sup> *al-haṣāḥ*. Pendapat yang mengatakan bahawa ia adalah *idāfat al-masdār* kepada jenisnya atau *sifat* kepada *mawṣūfnya* akan memberikan makna yang lebih umum meliputi seluruh jenis jual-beli *gharar* sama ada pada akadnya atau pada sifatnya<sup>237</sup>.

Oleh itu, penulis lebih cenderung kepada pendapat yang mengatakan bahawa makna *bay*<sup>c</sup> *al-gharar* yang lebih tepat ialah sejenis jual-beli yang mengandungi banyak unsur *gharar* bahkan unsur ini telah mendominasi keadaan jual-beli tersebut sehingga telah dikira menjadi sifatnya. Sedangkan sesuatu yang masih samar-samar atau masih ragu-ragu tidak boleh dijadikan sifat kepadanya<sup>238</sup>.

## 2.4 Perbandingan *Gharar* Dengan *Ghurur*

*Ghurur* adalah di antara pecahan kata terbitan yang berpunca daripada *gharar* itu sendiri, iaitu daripada kata kerja *gharra* (غَرَّهُ يَغْرِي غَرًّا وَ غَرُورًا), yang

<sup>236</sup> Muhammad Siddiq Amin al-Darīr, *al-Gharar Wa Āthāruhā Fī al-<sup>c</sup>Uqūd Fī al-Fiqh al-Islāmī*, cet. kedua, 1990, Bayrūt: Dār al-Jayl, m.s. 62-63

<sup>237</sup> *Ibid.*

<sup>238</sup> *Ibid.*

bermaksud penipuan<sup>239</sup>. Dalam hal ini, para ulama' telah mentafsirkan kata *ghurūr* sebagai penipuan (خداع) seperti yang disebut oleh Imam al-Rāzī<sup>240</sup> di dalam kamusnya. Bahkan beliau pernah juga memberikan makna *ghurur* itu sebagai syaitan berdasarkan ayat al-Quran yang lain lantaran syaitanlah yang menjadi punca kepada penipuan tersebut hingga membawa kepada perbalahan.

Firman Allah swt dalam surah Luqmān :

إِنْ وَعَدَ اللَّهُ حَقًّا فَلَا تَغْرِيْكُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَ لَا يَغْرِيْكُم بِاللهِ الْغَرُورُ

Maksudnya ; "Sesungguhnya janji Allah itu adalah benar, oleh yang demikian, janganlah kamu terpedaya (tertipu) dengan kehidupan dunia dan jangan pula kamu terpedaya (tertipu) terhadap Allah oleh penipu (syaitan)".

Surah Luqmān (31):33

Perkataan (فَلَا تَغْرِيْكُم) telah ditafsirkan oleh Imām al-Qurṭubī sebagai tertipu (تَخْدِعُكُم)<sup>241</sup>. Manakala di dalam Tafsīr al-Jalālayn<sup>242</sup> perkataan *al-ghurūr* telah ditafsirkan sebagai syaitan dan begitulah juga seperti yang terdapat di dalam tafsir al-Qurṭubī<sup>243</sup>. Mereka mengatakan bahawa ia adalah pendapat Mujāhid dan lain-lainnya kerana syaitanlah yang bersifat menipu daya manusia dan melalaikan mereka daripada mengingati akhirat.

<sup>239</sup> Al-Zubaydī, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 443; Ibn Manzūr, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 11; lihat juga di awal bab kedua disertasi ini – perbincangan mengenai pengertian *gharar* menurut bahasa

<sup>240</sup> Al-Rāzī, *Mukhiṭar al-Sihāḥ*, m.s. 446

<sup>241</sup> Al-Qurṭubī, *op. cit.*, juz. 14, m.s. 76

<sup>242</sup> Al-Mahallī, Jalāl al-Dīn, *Tafsīr al-Jalālayn*, t.t., Bayrūt: Dār al-Ma'srifah, m.s. 544

<sup>243</sup> Al-Qurṭubī, *op. cit.*

Oleh itu, penulis membuat kesimpulan bahawa *ghurūr* itu menepati sebahagian sahaja daripada maksud *gharar*, iaitu pada maksud penipuan. Sedangkan pengertian *gharar* lebih luas meliputi maksud penipuan dan lain-lainnya. Meskipun begitu, kedua-duanya mempunyai pertalian dalam beberapa perkara dan bukan sesuatu yang terasing terus.

Terdapat sesetengah pengkaji seperti Mohd Sahri Abd Rahman yang mengatakan bahawa terdapat perbezaan yang ketara antara keduanya dan tidak boleh dipakai bersama. Beliau cukup tegas dengan pendapatnya sehingga menganggap bukan sahaja ulama' dahulu seperti al-Shirāzī dan Ibn 'Ābidīn bahkan juga kepada ulama' yang terkini telah melakukan satu kesalahan apabila mereka menyamakan antara *gharar* dengan *ghurūr*. Sedangkan menurut beliau keduanya itu amat berbeza dan tidak boleh menggunakan kata *ghurūr* di tempat kata *gharar*<sup>244</sup>. Antara hujjah yang dikemukakan olehnya ialah :-

1. Sesuatu *gharar* itu hanya dikira berlaku apabila kedua-dua belah pihak tidak dapat memastikan kesudahan atau keberhasilan kontrak jual-beli yang dibuat seperti jual-beli seekor kambing yang hilang dan tidak tahu di mana ia berada.
2. Pihak yang tertipu di dalam konteks *ghuriūr* boleh memfasakhkan kontrak mereka kerana ia termasuk di dalam hak-hak hamba dan tidak pada *gharar* yang dikira sebagai hak Allah (hak Allah tidak boleh dimansuhkan seperti kes hukum ḥudūd berbeza dengan hukum qīṣāṣ di mana ia adalah hak hamba dan boleh di maafkan).

<sup>244</sup> Mohd Sahri Abd Rahman, *The Gharar Sale in Share Trading*, 1994, cet. pertama, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda, m.s. 4-5

3. *Ghurūr* itu sendiri bermaksud penipuan sedangkan *gharar* itu bermaksud tidak pasti.

Penulis kurang bersetuju dengan pendapat pengkaji tersebut dan sebagai jawapan kepada hujjahnya itu penulis cuba bawakan dalil-dalil seperti berikut :-

1. Pada asasnya perbezaan antara *gharar* dengan *ghurūr* ini telah disebut oleh kebanyakan ulama' yang antaranya Imam al-Nawawi<sup>245</sup> secara jelas di mana pada asasnya maksud *ghurūr* itu penipuan dan *gharar* itu tidak pasti. Cuma, perbezaan itu hanya pada maksud dari segi bahasanya sahaja, tetapi tidak dalam konteks muamalat jual-beli<sup>246</sup>. Ini justeru *ghurūr* itu sendiri telah termasuk di dalam salah satu elemen *gharar*.

Dalam tulisan mengenai maksud *gharar* dari segi bahasa dan istilah, penulis telah menemukan bahawa maksud *gharar* itu merangkumi maksud ketidakpastian, ketidaktahuan, penipuan dan perjudian<sup>247</sup>. Dalam konteks ini, penipuan akan berlaku berpunca daripada wujudnya unsur ketidakpastian dalam keberhasilan sesuatu akad. Ketidakpastian ini akan dieksloitasi oleh sebelah pihak untuk menipu pihak yang lain dengan alasan akad tersebut telah dipersetujui bersama sebelum ini.

Dalam hal ini, penulis amat bersetuju dengan pendapat Dr. Siddiq al-Darir yang mengatakan bahawa *ghurūr* adalah sebahagian daripada

<sup>245</sup> Al-Nawawi, *Sharḥ Muslim*, jil. 1, m.s. 659

<sup>246</sup> Yusuf Kamāl Muhammad, *Fiqh Iqtiṣād al-Ṣūq*, 1995, cet. pertama, t.t.p.: Dār Naṣr li al-Jāmi‘at al-Miṣriyyah, m.s. 199-203

<sup>247</sup> Lihat sub-topik pengertian *gharar* dalam awal bab kedua disertasi ini.

*gharar* dan *gharar* pula tidak semestinya *ghurūr*<sup>248</sup>. Penulis juga mendapati ulama' moden kini seperti Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwi memasukkan unsur penipuan sebagai salah satu daripada unsur *gharar*<sup>249</sup>.

Dalam permerhatian penulis, penipuan di dalam jual-beli ada yang disebut sebagai *al-ghash* iaitu bagi penipuan di dalam sukatan, timbangan atau menyembunyikan kecacatan barang jualan dan tidak disebut sebagai *ghurūr*. Ini menunjukkan bahawa istilah *ghurūr* lebih sesuai dipakai dalam konteks jual-beli *gharar* dan bukannya *ghash*, *khidāf* atau *tadlīs*.<sup>250</sup>

2. *Gharar* tidak diertikan hanya sebagai ketidakpastian kontrak tetapi lebih luas daripada itu sehingga meliputi konsep penipuan dan ketidaktahuan (*jahl*) seperti yang telah dibincangkan di atas.
3. Manakala bagi persoalan memfasakhkan akad pula, kebiasaannya dalam mana-mana akad jual-beli ia boleh difasakhkan melalui *khiyār shart*, *ayb*, *ru'yah* atau *majlis*. Tidak kira sama ada ia adalah jual-beli *gharar* atau *ghurūr*. Namun dalam konteks jual-beli *gharar* yang dilarang ini terdapat sesetengah penjualnya telah mensyaratkan tidak boleh *khiyār* apabila pembeli bersetuju untuk membelinya seperti di dalam *bay'* *al-mulāmasah*, *bay'* *al-munābadhah*<sup>251</sup> dan sebagainya.

<sup>248</sup> Muḥammad Ṣiddiq al-Darīr, *op. cit.*

<sup>249</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwi, *al-Ḥalāl Wa al-Harām Fī al-Islām*, 1993, cet. kedua puluh satu, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, m.s.243

<sup>250</sup> Lihat tulisan berkenaan *ghash*, *khidaf* dan *tadlīs* dalam bab pertama disertasi ini.

<sup>251</sup> Al-‘Asqalānī, *op. cit.*, jil.5, m.s. 95-96

- Dalam konteks menjamin hak pembeli, Imām al-Bukhārī pula berpandangan bahawa kesahihan jual-beli buah-buahan yang belum masak itu tergantung sehingga ia masak. Jika berlaku kerosakan atau ditimpa apa-apa bencana, maka penjual hendaklah memulangkan semula bayaran yang telah dibuat oleh pembeli<sup>252</sup>. Ia sama seperti akad tersebut difasakhkan apabila barang tersebut telah mengalami kerosakan atau kecacatan.

Pada pandangan penulis, dalam kes yang disebutkan oleh Imam al-Bukhārī itu, adalah lebih wajar jika jual-beli tersebut dianggap belum lagi berlaku tetapi ia hanyalah dikira sebagai suatu tempahan sahaja daripada pembeli. Dalam konteks itu, ia hendaklah juga menjelaskan kedudukan tersebut sebagai *khiyār ḋayb* jika barang jualan itu mengalami kerosakan atau kecacatan akibat daripada sesuatu bencana yang menimpa. Ini mungkin lebih hampir untuk menunjukkan bahawa maslahah kedua belah pihak dalam jual-beli memang sedia terjamin dan dijaga oleh Islam sama ada dalam jualan *gharar* atau penipuan. Penulis merujuk kepada kaedah fiqh :

درء المفاسد أولى من جلب المصالح<sup>253</sup>

Maksudnya : “Menolak kemudarat itu adalah lebih utama didahulukan daripada membuat kebaikan”.

Ringkasnya, fasakh tidak perlu dipersoalkan dalam jualan *gharar* kerana pada asasnya jualan itu sendiri tidak diiktiraf oleh syarak atau dengan kata lain

<sup>252</sup> *Ibid.*, m.s. 144

<sup>253</sup> Al-Suyūṭī, *al-Ashbāh*, m.s. 117

jualan itu tidak sah atau telah terbatal dengan sendirinya. Oleh itu, dari segi konsepnya hak pembeli telah terjamin sama ada dalam jualan *gharar*, *ghurūr* atau penipuan.

Terdapat ramai di kalangan ulama' terdahulu yang menggunakan istilah *ghurūr* pada tempat yang menggambarkan *bay' al-gharar*. Penulis berpendapat bahawa ini bukanlah menunjukkan bahawa mereka melakukan kesilapan dalam perkara tersebut tetapi menunjukkan bahawa penggunaan *ghurūr* dalam konteks yang dibicarakan itu adalah seiring dengan maksud *al-gharar*. Antaranya ialah Ibn 'Ābidīn<sup>254</sup>, al-Hāfiṭh<sup>255</sup>, al-Shīrāzī<sup>256</sup>, Shihāb al-Dīn al-Rāmī<sup>257</sup>, Ahmad bin Yahyā al-Murtadā<sup>258</sup> dan lain-lain.

## 2.5 Perbandingan *Gharar* Dengan *Jahl*

*Jahālah* atau *jahl* membawa maksud lawan bagi mengetahui<sup>259</sup> atau bererti tidak mengetahui. Lihat firman Allah swt :

وَمَنْ يَعْلَمْ بِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ  
إِنَّهُ كَانَ ظَالِمًا جَهُولًا

Maksudnya : " Sesungguhnya dia (manusia itu) amat zalim lagi amat jahil (tidak mengetahui)".

Surah al-Ahzab (33) 72

<sup>254</sup> Ibn 'Ābidīn, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 86, 222 dan 224

<sup>255</sup> Al-Hāfiṭh, Muḥammad ibn Muḥammad, *Kitāb Mawāhib al-Jalīl li Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*, cet. ke 3, 1992, Bayrūt : Dār al-Fikr, jil. 4, m.s. 438

<sup>256</sup> Al-Shīrāzī, *op. cit.*, jil. 1, m.s. 292

<sup>257</sup> Al-Rāmī, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 73-74

<sup>258</sup> Ibn al-Murtadā, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 67-68

<sup>259</sup> Al-Rāzī, *Mukhtār al-Sīhāh*, m.s. 121

Dalam konteks jual-beli *gharar*, jual-beli sesuatu yang tidak diketahui dinamakan sebagai *bayf al-majhūl* iaitu terhadap barang yang tidak diketahui keadaan dan kadarnya. Ibn Taymiyyah pula telah membahagikan jual-beli *gharar* ini mengikut pendapatnya kepada tiga jenis iaitu *bayf al-madūm*, *bayf al-sinīn* dan *bayf al-majhūl*<sup>260</sup>.

Begini juga dengan Imam al-Nawawi<sup>261</sup> yang mengatakan bahawa di antara jenis-jenis jual-beli *gharar* itu ialah jual-beli sesuatu yang tidak diketahui keadaannya (*majhūl*). Al-Qarāfi<sup>262</sup>, seorang ulama' daripada mazhab Mālikī juga memasukkan unsur ketidaktahuan (*majhūl*) ini sebagai salah satu unsur di dalam jual-beli *gharar* selain daripada unsur ketidakpastian.

Termasuk juga di dalam contoh jual-beli *al-majhūl* ini ialah *bayf al-mulāmasah*, *al-munābadhah* dan *ḥabal al-ḥabalah*<sup>263</sup>, iaitu *majhūl* pada jenis, sifat, keadaan, kadar, harga dan sebagainya<sup>264</sup>.

Penulis sebelum ini telah membincangkan pengertian *gharar* menurut Ibn Hazm yang hanya memfokuskan *gharar* kepada maksud ketidaktahuan sahaja dan pendapat itu tidak sesuai kerana terdapatnya kekurangan yang amat ketara dari maksud ketidakpastian. Sementara al-Azhari menegaskan bahawa termasuk di

<sup>260</sup> Ibn Taymiyyah, *Nazariyyat al-Aqd*, m.s. 224-225

<sup>261</sup> Al-Nawawi, *Sharh Muslim*, jil. 4, m.s. 121

<sup>262</sup> Al-Qarāfi, *al-Furūq*, jil. 3, m.s. 260

<sup>263</sup> Akan dibincangkan dalam bab ini di bawah tajuk Contoh-contoh Jual-Beli Gharar Yang Terdapat Di Dalam Perbendaharaan Fiqh Islam.

<sup>264</sup> Sadī Abū Jayb, *al-Ta'mīn Bayna al-Khaṣr Wa al-Ibāhah*, 1983, Bayrūt: Dār al-Fikr al-Muāṣir, m.s. 24

dalam *bay' al-gharar* itu ialah semua jual-beli yang *majhūl* di mana ia tidak dapat diketahui secara keseluruhannya<sup>265</sup>.

Sungguhpun begitu, terdapat sesetengah pengkaji yang berpendapat bahawa *gharar* dengan *jahl* itu amat berbeza sama sekali dan menafikan persamaan yang wujud antara keduanya<sup>266</sup>. Namun berdasarkan perbincangan di atas, hujjah tersebut adalah lemah dan tidak menepati maksud jenis-jenis jual-beli *gharar* seperti yang terdapat di dalam hadis-hadis.

Dr. Şiddiq al-Darīr juga telah membuat satu kesimpulan bahawa *gharar* itu lebih umum daripada *jahālah*, di mana setiap jual-beli yang *majhūl* itu adalah secara pasti termasuk dalam kategori jual-beli *gharar* tetapi tidak semestinya jual-beli *gharar* itu mempunyai unsur *majhūl* pada barangnya kerana kemungkinan unsur *ghararnya* itu pada perkara yang lain<sup>267</sup>.

## 2.6 Perbandingan *Gharar* Dengan *Qimār*

Menurut Al-Zubaydī dan Ibn Manzūr, *qimār* ialah (*rāhanahu*) iaitu bersama-sama bertanding atau bertaruh dengan cara yang tiada kepastian padanya untuk menang iaitu bermain judi<sup>268</sup>. Ringkasnya, ia adalah setiap permainan yang bergantung kepada nasib untuk memenanginya dengan disyaratkan bahawa yang menang

<sup>265</sup> Al-Zubaydī, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 443; lihat juga dalam Ibn Manzūr, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 14

<sup>266</sup> Mohd Sahri Abd Rahman, *op.cit.*, m.s. 6

<sup>267</sup> Muhammad Şiddiq al-Darīr, *op.cit.*, m.s. 38

<sup>268</sup> Al-Zubaydī, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 505; Ibn Manzūr, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 115

akan mengambil sesuatu harta sama ada wang atau sebagainya daripada pihak yang kalah<sup>269</sup>.

Manakala di dalam al-Mu<sup>c</sup>jam al-Wasi<sup>t</sup><sup>270</sup>, *qimār* diertikan sebagai setiap bentuk permainan yang mengandungi unsur bertanding dalam keadaan tidak pasti.

*Al-qimār* lebih umum daripada *al-maysir* kerana ia digunakan untuk semua jenis dan bentuk permainan yang mempunyai unsur bertanding secara yang tidak dapat dipastikan keadaannya iaitu dengan menyerah semata-mata kepada nasib. Namun kedua-dua kalimah ini pula lebih khusus sifatnya daripada istilah *gharar*. Walau bagaimanapun ia masih menjadi sebahagian daripada unsur *gharar* tanpa syak<sup>271</sup>.

Ibn Rushd mengatakan bahawa *bay<sup>c</sup> al-ḥaṣāḥ* itu adalah sejenis perjudian. *Bay<sup>f</sup> al-ḥaṣāḥ* ialah jual-beli yang tidak ditentukan kadar barang jualannya seperti jualan tanah, di mana keluasannya dikira mengikut sejauh mana jatuhnya batu yang dilontarkan oleh pembeli. Atau ia juga sama seperti menjual sesuatu yang tidak ditentukan barang jualannya, seperti jualan mana-mana barang yang terkena batu lemparan pembeli maka ia menjadi barang jualannya<sup>272</sup>. Oleh itu ia sama seperti bermain tikam.

Ia juga beroperasi dengan berlandaskan kepada konsep tidak pasti dan unsur menyerah kepada nasib semata-mata. Manakala kesan daripada jual-beli ini

<sup>269</sup> Al-Mu<sup>c</sup>jam al-<sup>c</sup>Arabi al-Asā'i, m.s. 1007

<sup>270</sup> Al-Mu<sup>c</sup>jam al-Wasi<sup>t</sup>, m.s. 708

<sup>271</sup> Muḥammad Siddīq al-Darīr, *op.cit.*, m.s. 40-41

<sup>272</sup> Al-Sayyid Sābiq, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 162

adalah sama sahaja iaitu boleh membawa kepada perbalahan apabila sebelah pihak tidak berpuas hati dengan kekalahannya. Justeru itulah Dr. °Ali °Abd al-Rasūl ketika membuat kesimpulan kepada pengertian *al-gharar*, beliau mengatakan bahawa ia adalah sejenis perjudian nasib (*al-muqāmarah*)<sup>273</sup> dan pendapat beliau ini adalah sama juga dengan Shaykh °Abd al-Qadir Ahmad °Atā<sup>274</sup>. Oleh itu keduanya saling mempunyai perkaitan yang amat rapat dan sebab itulah unsur perjudian itu dimasukkan ke dalam konsep *gharar*.

## 2.7 Hikmah Larangan Terhadap *Gharar*

Di dalam al-Quran tidak terdapat larangan yang jelas dan yang khusus terhadap *gharar*, namun ia dikaitkan di dalam penafsiran istilah “memakan harta orang lain secara batil”, iaitu melalui firman Allah s.w.t. :

وَلَا تأكُلُوا أموالكم بِيُنْكَمْ بِالْبَاطِلِ

Maksudnya : “Dan janganlah kamu makan harta sesama kamu secara yang batil (haram)”

Surah al-Nisā’(4):29

Para ulama’ telah telah berbeza-beza pandangan di dalam mentafsirkan perkataan batil dalam ayat di atas. Di antaranya ialah “dengan tidak sebenarnya”<sup>275</sup>

<sup>273</sup> Dr. °Ali °Abd al-Rasūl, *al-Mabādī al-Iqtīṣadiyyah Fī al-Islām*, cet.kedua, 1980, Dār al-Fikr al-°Arabi, m.s. 120

<sup>274</sup> °Abd al-Qadir Ahmad °Atā, *Hadhā al-Halāl Wa Hadhā al-Harām*, (edisi terbaru) t.t. (tetapi ditulis pada 1975) al-Qāhirah: Dār al-Fādilah, m.s. 318 – berbeza sedikit apabila beliau menyebut hanya sebahagian *gharar* sahaja termasuk di dalam bab perjudian.

<sup>275</sup> Al-Qurtubī, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 131

(haram) dan ia dikira antara yang menjadi ijma ulama<sup>276</sup>. Di dalam ayat yang lain, kita dapati unsur perjudian disebutkan secara umum sedangkan ia adalah sebahagian daripada unsur *gharar*, seperti dalam firman Allah s.w.t. :

إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتِبُوهُ

Bermaksud : “Sesungguhnya arak, judi, berhala dan bertenun nasib itu amat keji dan merupakan sebahagian daripada pekerjaan syaitan maka hendaklah kamu menjauhninya.”

Surah al-Mā’idah (5): 90

Begitu juga di dalam hadis, seperti satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim<sup>277</sup> :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ نَبَهَ رَسُولُ اللَّهِ (ص) عَنْ بَيْعِ الْحَصَّةِ وَعَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ

Yang bermaksud : “Dari Abū Hurayrah (r.a.) katanya sesungguhnya Rasulullah s.a.w. menegah daripada jual-beli *al-haṣāh* dan daripada jual-beli *gharar*.”

Meskipun begitu, Imam al-Nawawi menyebut bahawa *bay’ al-gharar* ini merupakan salah satu daripada asas yang besar di dalam perbahasan jual-beli<sup>278</sup>. Larangan terhadap *gharar* ini ditunjukkan secara jelas lantaran ia boleh membawa kepada perkara-perkara berikut<sup>279</sup> :-

<sup>276</sup> *Ibid.*

<sup>277</sup> Lihat dalam al-Nawawi, *Sharḥ Muslim*, hadis no.1513, jil. 4, m.s. 121

<sup>278</sup> *Ibid.*, jil. 4, m.s. 121

<sup>279</sup> Sila lihat dalam Dr. Muḥammad Ṣalāḥ al-Ṣāwī, *op. cit.*, m.s. 376 ; lihat juga dalam Yūsuf Kamālī Muḥammad, *op. cit.*, m.s. 197; lihat juga dalam Yūsuf al-Qaraḍawī, *al-Ḥalāl Wa al-Harām Fī al-Islām*, m.s. 243; lihat juga dalam *al-Zurqānī ‘alā al-Mawṣī‘*, jil. 3, m.s. 132

1. Menzalimi orang lain<sup>280</sup>. Ia boleh berlaku jika pembeli telah membayar harga sesuatu barang tetapi akhirnya dia tidak menerima barang yang dimaksudkan tersebut.
2. Mengambil atau memakan harta orang lain secara tidak halal<sup>281</sup>. Iaitu apabila penjual mengambil bayaran daripada pembeli sedangkan pembeli itu tidak memperolehi barang jualan menurut yang sepatutnya.
3. Pembeli merasakan dirinya tertipu, di mana hilangnya rasa reda apabila penipuan tersebut terbongkar<sup>282</sup>. Ia mungkin boleh berlaku akibat daripada terlalu mempercayai penjual seperti dengan tidak memastikan keadaan barang belian tersebut yang akhirnya dengan begitu mudah dia tertipu.
4. Boleh dieksplotasi oleh penjual yang tidak bertanggungjawab dengan mudah.
5. Membawa kepada perbalahan dan permusuhan<sup>283</sup> akibat daripada rasa tidak puas hati kerana merasa telah ditipu atau dizalimi atau tidak mendapat haknya yang sepatutnya. Keadaan ini akan membawa kepada tindakan-rindakan yang akan menimbulkan pertengkaran, perbalahan dan akhirnya kepada perkara yang lebih dahsyat lagi. Islam menyekat api perbalahan ini daripada sekecil-kecilnya sebelum ia membesar dan merebak.

<sup>280</sup> Ibn Taymiyyah, *Qawā'id al-Nurāniyyah al-Fiqhīyyah*, m.s. 116

<sup>281</sup> Al-San'āni, *op.cit.*, jil. 3, m.s. 807 ; lihat juga dalam al-Sayyid Sābiq, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 161

<sup>282</sup> Sayyid Al-Sābiq, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 161

<sup>283</sup> Ibn Taymiyyah, *al-Qawā'id al-Nurāniyyah al-Fiqhīyyah*, m.s. 116; lihat juga dalam 'Abd al-Qadir Aḥmad 'Atā', *op. cit.*, m.s. 318

Namun Ibn Taymiyyah<sup>284</sup> berpendapat bahawa kerosakan yang diakibatkan oleh *gharar* ini adalah kurang sedikit berbanding dengan bahaya akibat daripada riba. Oleh sebab itulah Islam memberi sedikit kelonggaran padanya iaitu jika terdapat suatu keperluan yang mendesak terhadap jual-beli tersebut. Dalam hal ini jika Islam mengharamkan *gharar* yang sedikit contohnya, kemungkinan kemudaratan akibat daripada larangan itu adalah lebih dahsyat daripada memberi kelonggaran terhadap urusniaga berkenaan.

## 2.8 Hukum-Hukum Jual-Beli Yang Mengandungi *Gharar* Mengikut Kapasitinya

Pada dasarnya jual-beli *gharar* dilarang oleh Islam namun dalam sesetengah keadaan terdapat sedikit kelonggaran hukum padanya mengikut kadar kapasiti *gharar* yang wujud dalam sesuatu jual-beli itu sama ada sedikit atau banyak. Malah jika terdapat pula suatu keperluan yang begitu mendesak juga turut akan menyebabkan hukum jual-beli yang mengandungi *gharar* itu berubah menjadi harus<sup>285</sup>. Oleh itu, sebagai perincian hukumnya, penulis menggariskannya seperti berikut<sup>286</sup>:

### 2.8.1 *Gharar* Yang Sedikit (غير المأهول (يسير)

Contoh yang biasanya digunakan bagi menerangkan *gharar* yang sedikit ialah seperti *gharar* dalam pembelian rumah di mana tidak dapat diketahui

<sup>284</sup> Ibn Taymiyyah, *al-Qawādīd al-Nurānīyyah*, m.s. 118

<sup>285</sup> Al-Nawawi, *al-Majmū'*, jil. 9, m.s. 280

<sup>286</sup> Lihat dalam Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Zād al-Ma'ād*, jil. 4, m.s. 267; al-Nawawi, *al-Majmū'*, jil. 9, m.s. 280; al-Qarāfī, *al-Furūq*, jil. 3, m.s. 365

bagaimanakah keadaan asas (*foundation*) rumah tersebut sama ada sempurna atau tidak sungguhpun pada kebiasaannya ia adalah sempurna dan kukuh<sup>287</sup>.

Oleh itu, telah menjadi ijmak ulama<sup>288</sup> bahawa *gharar* yang sedikit ini diberi kelonggaran dan dimaafkan kerana ia tidak dapat atau terlalu sukar untuk diperhatikan tambahan pula ia adalah terlalu sedikit pada kebiasaannya. Maksud kadar yang sedikit itu ialah yang tidaklah sampai membawa kepada perbalahan atau tidak mampu diawasi dengan sempurna pada adatnya<sup>289</sup> dan kebarangkalian tidak baik pada perkara yang tersembunyi atau yang dighararkan itu adalah terlalu rendah.

### 2.8.2 *Gharar* Yang Keterlaluan

*Gharar* yang keterlaluan bermaksud sifat *gharar* yang wujud pada akad atau barang jualan itu terlalu jelas atau ia terlalu dikhawatirkan berlaku. Imam Nawawi<sup>290</sup> mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan *gharar* yang keterlaluan sini ialah jika *ghararnya* itu dapat dilihat atau diketahui pada zahirnya dan ia boleh dielakkan. Contohnya menjual burung yang masih bebas terbang di udara atau menjual ikan yang bebas berenang di kolam yang luas.

<sup>287</sup> Setakat ini penulis belum berjumpa dengan pendapat *fuqahā'* yang menjelaskan hukum jika asas rumah tersebut rosak / merekah / runtuh beberapa waktu (setahun contohnya) selepas pembelian tersebut dilakukan, apakah pula hak pembeli dalam hal ini ? Pada pandangan penulis, perlu ada satu syarat untuk menjamin hak pembeli rumah daripada ditipu oleh pemaju perumahan, contohnya seperti jaminan *warranty* atau *Guaranty* dalam pembelian tersebut.

<sup>288</sup> Al-Qarāfi, *al-Furūq*, jil. 3, m.s. 271-272; lihat juga dalam al-Kharasyi 'ala khallī, jil. 5 m.s. 69

<sup>289</sup> Dr. Muhammed 'Uthmān Shubayr, *Al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āshirah Fī al-Fiqh al-Islāmi*, 1996, cet. pertama, al-Urdun: Dār al-Nafā'is, m.s. 107

<sup>290</sup> al-Nawawi, *al-Majmū'*, jil. 9 m.s. 280

Dalam hal ini, para ulama' juga telah bersepakat<sup>291</sup> mengatakan bahawa kewujudan *gharar* seperti ini adalah dilarang oleh syarak. Kesimpulannya, ciri-ciri *gharar* yang keterlaluan ini ialah<sup>292</sup> :-

- a) Unsur ketidakpastian itu terlalu jelas, nampak dan diketahui.
- b) Keperluan kepada *al-maqūd* *'alayh* yang mengandungi *gharar* tersebut masih belum mendesak di mana masih ada alternatif lain yang lebih baik untuk memperolehi barang yang dihajati itu.

### 2.8.3 *Gharar* yang sederhana

*Gharar* yang sederhana bermaksud bahawa unsur *gharar* yang wujud pada akad atau barang jualan itu tidaklah terlalu sedikit tetapi tidak pula terlalu ketara. Dalam hal ini para ulama' telah berbeza pendapat<sup>293</sup> dalam menentukan hukumnya, sama ada ia hendak dihukumkan sama seperti sedikit atau sama seperti yang banyak. Dalam hal ini, mereka terbahagi kepada dua kumpulan.

Satu kumpulan menganggapnya sebagai termasuk di dalam kategori *gharar* yang banyak dan oleh itu jual-beli tersebut dilarang perlaksanaannya . Manakala kumpulan yang lain pula menganggapnya sebagai termasuk di dalam kategori *gharar* yang sedikit dan oleh itu ia dimaafkan dan boleh digunakan untuk bermuamalah dalam jual-beli.

<sup>291</sup> Al-Qarāfi, *op. cit.*; lihat juga al-Nawawi, *Sharḥ Muslim*, jil. 4, m.s. 121

<sup>292</sup> *Ibid.*

<sup>293</sup> Al-'Asqalāni, *Fatḥ al-Bārī*, jil. 5, m.s. 92; lihat juga al-Nawawi, *Sharḥ Muslim*, jil. 4, m.s. 121

Ibn Qayyim al-Jawziyyah pula berpendapat bahawa jika nisbah *gharar* itu pertengahan atau sama banyak maka ia perlulah dianggap banyak, oleh itu ia dilarang juga oleh Islam<sup>294</sup>. Ia dikira sedikit jika nisbah *gharar* itu kurang daripada separuh walaupun sedikit sahaja dan begitulah sebaliknya. Walau bagaimanapun, pada hemat penulis adalah sesuatu yang sukar untuk menilai jumlah sesuatu unsur *gharar* yang wujud. Penulis berpendapat bahawa adat kebiasaan dan kepentingan orang ramai terhadap jualan sebegini perlu juga diberi perhatian dalam menentukan hukum jual-beli yang mempunyai unsur *gharar* yang sederhana ini.

## 2.9 Kekecualian Daripada Hukum *Gharar*

Terdapat beberapa kriteria yang menjadi kekecualian dalam larangan terhadap kes *gharar*. Dengan kata lain walaupun sesuatu jual-beli itu masih dikatakan mengandungi *gharar* tetapi ia dimaafkan dan diharuskan bermuamalah menggunakan cara tersebut. Di antara sebab-sebab kekecualian atau kemaafan dalam jual-beli tersebut ialah<sup>295</sup> :-

1. Sesuatu yang termasuk di dalam komponen barang jualan, di mana jika dipisahkannya maka jual-beli dikira tidak sah. Dalam masa yang sama, ada sesuatu hajat padanya atau terdapat sesuatu kesukaran seperti kerana sukar melihatnya. Contohnya asas tapak rumah (*foundation*) yang tidak diketahui keadaannya tetapi dikira bersekali dengan pembelian rumah tersebut. Oleh itu, pembelian rumah bermakna bersekali dengan tapak asas tersebut. Begitu juga jualan susu yang terdapat pada badan binatang

<sup>294</sup> Ibn Qayyim, *Zād al-Ma‘ād*, op. cit.

<sup>295</sup> Lihat sebahagiannya dalam al-<sup>4</sup>Asqalānī, *Faīl al-Bārī*, jil. 5, m.s. 92; juga di dalam al-Sayyid Sābiq, op. cit., jil. 3, m.s. 161

ternakan<sup>296</sup> atau pembelian buah kelapa yang tidak dapat diketahui keadaan isinya dan sebagainya.

Dengan erti kata yang lain, unsur *gharar* pada sesuatu komponen barang jualan yang tidak dapat diteliti atau diperiksa keadaannya kecuali setelah dirosakkan sebahagian barang tersebut tidaklah menghilangkan hak pembeli terhadap barang tersebut. Hak pembeli akan diberi jaminan jika komponen tersebut didapati tidak baik/sempurna atau rosak kemudiannya melalui *khiyār al-ayb* di mana barang gantian atau pemulangan semula wang pembeli mestilah dilakukan oleh penjual berkenaan.

2. Sesuatu jual-beli akan diberi kelonggaran kerana unsur *gharar* yang wujud padanya dikira terlalu sedikit atau terlalu sukar untuk ditentukan secara tepat. Contohnya bayaran masuk tandas awam yang sukar untuk ditetapkan iaitu tanpa dikira berapa lama masa dia masuk ke dalam tandas dan berapa banyak penggunaan airnya dan bayarannya adalah sama bagi semua pengguna.
  
3. Jika keharusan jual-beli berkenaan tidak sampai membawa kepada perbalahan pada adatnya sekalipun ia dikira mengandungi *gharar*. Ini kerana pembinaan hukum *gharar* ini pada asalnya ialah atas dasar untuk menyekat atau menghalang berlakunya perbalahan akibat rasa tidak puas hati sebelah pihak<sup>297</sup>. Oleh itu, jika pada adatnya tidak menjadi satu

<sup>296</sup> Lihat juga dalam al-Nawawi, *Sharh Muslim*, jil. 4, m.s. 121

<sup>297</sup> Muhammad Uthmān Shubayr, *op. cit.*, m.s. 107

penindasan dan perbalahan, maka syarak membenarkannya dengan syarat nilainya itu adalah sedikit sahaja pada adatnya.

4. Kekecualian ini juga diperkuatkan lagi jika terdapat suatu keperluan atau hajat yang lebih besar<sup>298</sup>. Namun pemakaianya mesti tidak lari daripada syarat-syarat yang di atas iaitu pada adatnya jual-beli tersebut mestilah dapat disempurnakan dengan baik tanpa menimbulkan apa-apa perbalahan. Contohnya dalam kes *bay' al-istiṣnā'* iaitu jualan sesuatu barang yang dibuat khusus melalui tempahan tukang.

Daripada keterangan di atas, penulis mendapati bahawa tidak semua jual-beli yang mengandungi unsur *gharar* itu ditolak oleh ulama' Islam. Terdapat juga beberapa keadaan yang boleh diterima oleh mereka. Kesimpulannya, *gharar* pada asasnya adalah sesuatu yang dilarang oleh Islam, namun hukum larangan ini boleh berubah menjadi harus apabila akad yang dilakukan itu menepati beberapa *'illah* (sebab kepada sandaran hukum) kekecualian daripada larangan tersebut seperti yang telah disebutkan di atas.

## 2.10 Bahagian *Gharar* Dalam Urusniaga

### 2.10.1 Unsur-unsur *Gharar*

Al-Qarāfi telah membuat perincian mengenai sebab-sebab sesuatu urusniaga itu dikira mengandungi unsur *gharar* iaitu<sup>299</sup> :-

<sup>298</sup> Al-Šan'āni, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 807

<sup>299</sup> Al-Qarāfi, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 265

1. Persoalan tentang kewujudan barang jualan itu sendiri iaitu sama ada ia yang masih wujud atau tidak, seperti jualan hamba atau binatang yang telah lari.
2. Persoalan tentang kemampuan dalam penerimaan atau penyerahan sesuatu barang jualan sekalipun dapat diketahui oleh kedua-dua belah pihak yang terlibat akan kewujudan barang jualan tersebut seperti jualan burung di udara.
3. Persoalan tentang jenis atau *naw<sup>c</sup>* (نوع) barang yang tidak dinyatakan dengan jelas.
4. Persoalan tentang kadar *al-maqūd alayh* yang tidak jelas seperti jualan tanah dengan jumlah keluasannya dinilai menurut had lontaran anak panah.
5. Persoalan tentang penentuan yang jelas (*ta'yīn*) terhadap beberapa objek jualan seperti sehelai baju daripada dua helai baju yang berbeza.
6. Persoalan tentang adakah barang jualan itu berkemungkinan akan berterusan wujud dan kekal sehingga sampai masa yang sesuai untuk menggunakannya seperti jualan buah-buahan sebelum masak yang dikhuatiri rosak akibat berlaku apa-apa bencana padanya.
7. Persoalan tentang penangguhan penyerahan *al-maqūd alayh* yang tidak berada di tempat majlis akad dilakukan.

8. Persoalan tentang sifat-sifat *al-maqūd alayh* yang tidak diketahui secara jelas oleh pihak pembeli.

### 2.10.2 Bahagian *Gharar* Dalam Urusniaga

Menurut Dr. Siddiq al-Darī<sup>300</sup>, *gharar* yang terkandung di dalam sesuatu urusniaga itu dapat dibahagikan kepada dua bahagian<sup>301</sup> iaitu :-

- 1 ) *Gharar* yang terdapat dalam *sīghah* akad jual-beli ialah seperti berikut :-
  - a ) Dua jual-beli di dalam satu jualan.
  - b ) Jualan *al-urbūn*.
  - c ) Jualan *al-haṣāḥ*.
  - d ) Jualan *al-munābadhah*.
  - e ) Jualan yang tergantung dengan sesuatu syarat.
- 2 ) *Gharar* yang terdapat pada *al-maqūd alayh* iaitu :-
  - a ) Jahil berkenaan dengan barang jualan.
  - b ) Jahil terhadap jenis (*jīns*) barang jualan.
  - c ) Jahil terhadap kategori (*nawā*) barang.
  - d ) Jahil terhadap sifat barang.
  - e ) Jahil terhadap jumlah barang.
  - f ) Jahil terhadap keadaan sebenar barang.
  - g ) Jualan sesuatu barang yang tidak mampu diserah.

<sup>300</sup> Muhammad Siddiq al-Darī, *op. cit.*, m.s. 76

<sup>301</sup> Lihat juga dalam Dr. Muhammad Uthmān Shubayr, *op. cit.*, m.s. 17-18

- h) Jualan terhadap barang yang tidak ada ketika itu.
- i) Jualan dengan tidak melihat barang tersebut.

Ini adalah pembahagian *gharar* mengikut pandangan beliau, namun masih terdapat banyak pembahagian *gharar* yang digariskan oleh ulama' yang lain mengikut pandangan masing-masing. Walau bagaimanapun, penulis beranggapan bahawa perbezaan tersebut adalah sesuatu yang kecil atau hanya pada teknikal sahaja dan tidaklah sehingga melibatkan hukum-hakamnya.

#### **2.10.3 Urusniaga *Gharar* Yang Dinaskan Dan Urusniaga *Gharar* Yang Tidak Dinaskan**

Ibn Rushd telah membuat penelitian terhadap jual-beli *gharar* yang terdapat di dalam nas dan yang tidak terdapat di dalamnya tetapi diwujudkan melalui kaedah fiqh yang lain seperti qias dan sebagainya.

Menurut beliau kebanyakan jual-beli *gharar* yang terdapat di dalam nas telah disepakati oleh para ulama' dan hanya berlaku perbezaan di kalangan mereka dari segi namanya sahaja. Jual-beli berikut ialah<sup>302</sup> :-

1. *Bay<sup>c</sup> ḥabal al-ḥabalah.*
2. Jualan buah-buahan yang belum masak.
3. *Bay<sup>c</sup> al-munābadhah.*
4. *Bay<sup>c</sup> al-mu<sup>c</sup>āwamah.*
5. Jualan bersyarat (khususnya *bay<sup>c</sup> wa salf*).
6. *Bay<sup>c</sup> al-ma<sup>c</sup>dūm*

---

<sup>302</sup> Ibn Rushd, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 148-165

7. *Bay<sup>f</sup> al-mulāmasah.*
8. *Bay<sup>f</sup> al-haṣāḥ.*
9. Dua jual-beli dalam satu jualan.
10. *Bay<sup>f</sup> al-muḍāmīn.*
11. *Bay<sup>f</sup> al-mulāqīh.*
12. *Bay<sup>f</sup> al-shurūt wa al-thanayā.*
13. *Bay<sup>f</sup> al-sunbul* (sehingga ia kelihatan memutih dan jualan anggur sehingga kehitaman).

Sementara jual-beli yang tidak dinaskan (*al-maskūt ḋanhā*) adalah banyak bahkan terdapat perselisihan yang ketara di kalangan para ulama' terhadapnya. Di antaranya ialah<sup>303</sup> :-

1. *Bay<sup>f</sup> al-ghayb* atau jualan barang yang tidak dilihat ketika akad.
2. Jualan barang secara bertangguh.
3. Jual-beli hutang dengan hutang.
4. Jualan barang yang berbeza di antara luaran dan dalamannya.
5. Jualan sesuatu yang masih terbenam di dalam bumi.
6. Jual buah *al-jūz* dan badam yang masih di dalam tempurung kulitnya.
7. Jualan ikan dalam sungai kecil.
8. Jualan *al-ābāq* (yang telah lari).
9. Jualan susu yang terdapat pada seekor kambing mengikut pada hari-hari yang tertentu sahaja. Bayarannya tidak mengikut kuantiti susu pada kambing tersebut tetapi mengikut bilangan hari yang ingin diperah. Oleh itu ia hanya terserah mengikut setakat mana yang dapat diperolehi sahaja.

---

<sup>303</sup> *Ibid*, jil. 2, m.s. 148-159

10. Jualan daging yang terlekat pada kulit binatang.
11. Jualan binatang yang sakit.
12. Jualan tanah yang didakwa mengandungi sesuatu galian tetapi tidak dinilaikan sedikit atau banyak kuantiti galian yang ada padanya.
13. *Bay<sup>f</sup> al-juzzāf*.

## **2.11 Contoh-Contoh Jual-Beli *Gharar* Yang Terdapat Di Dalam Perbendaharaan Fiqh Islam**

Penulis akan cuba menghuraikan beberapa bentuk jual-beli yang mempunyai unsur-unsur *gharar* yang terdapat di dalam kitab-kitab *turāth ulama'* terdahulu dengan tujuan agar ia boleh dijadikan satu panduan dalam memahaminya di samping membina kefahaman yang lebih mendalam mengenai *gharar* itu sendiri.

### **2.11.1 Jualan Buah-buahan Sebelum Masak**

Rasulullah s.a.w. telah melarang jual-beli buah-buahan di pokok sehinggalah kelihatan padanya tanda-tanda bahawa ia telah masak dan sesuai untuk digunakan. Contohnya jika buah tersebut telah masak dengan warna kemerahan atau apabila buah-buahan itu dikira telah selamat daripada sesuatu bencana musibah sebelum boleh diambil<sup>304</sup>. Terdapat banyak hadis Nabi s.a.w. yang menerangkan larangan tersebut, di antaranya ialah<sup>305</sup> :

عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَا عَنْ بَيْعِ الْثِمَارِ  
حَتَّىٰ يَبْدُو صَالِحَاهَا، نَهَا الْبَاتِحَ وَالْمُبَتَاعَ

<sup>304</sup> Al-Nawawi, *Sahīl Muslim Bi Sharh al-Nawawi*, jil. 4, m.s. 137

<sup>305</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī, *Sahīl al-Bukhārī*, juz. 3, m.s. 34 dan Muslim (no.1534), *Sahīl Muslim Bi Sharh al-Nawawi*, jil. 4, m.s. 137

Maksudnya: "Daripada Ibn 'Umar bahawasanya Rasulullah s.a.w. melarang jual-beli buah-buahan sehingga-lah nyata masaknya, larangan itu adalah kepada penjual dan juga pembeli".

Larangan ini adalah kerana buah-buahan tersebut masih belum lagi boleh dimakan kerana kemungkinan berlaku sesuatu musibah yang akan menyebabkan hasil yang diingini itu tidak dapat diperolehi. Dalam masa yang sama tuan punya pokok telah pun memperolehi sesuatu keuntungan<sup>306</sup> (iaitu bayaran jualannya) sebaliknya pembeli pula langsung tidak dapat menikmati buah-buahan yang telah rosak tersebut.

Jualan ini juga digelar sebagai *bay' al-mukhādarah* (المخادر ) seperti di dalam sebuah hadis :

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ (ص) عَنِ الْمُحَاقَّةِ وَالْمُخَاصِرَةِ وَالْمُلَامِسَةِ وَالْمَنْبَذَةِ وَالْمُزَابَنَةِ

Maksudnya : "Rasulullah s.a.w. melarang jual-beli *al-muhāqalah*, *al-mukhādarah*, *al-mulāmasah*, *al-munābadhah* dan *al-muzābanah*".<sup>307</sup>

Jual-beli *al-mukhādarah* di dalam hadis di atas telah ditafsirkan juga sebagai jual-beli buah-buahan dan biji-bijian sebelum ianya masak<sup>308</sup>.

Jual-beli ini dilarang kepada kedua-dua belah pihak di mana pihak penjual dilarang menjualnya agar tidak memakan harta orang lain secara haram atau batil sementara pihak pembeli pula dilarang mensia-siakan hartanya dengan belian

<sup>306</sup> Muṣṭafā al-Bughā, *op. cit.*, juz. 6, m.s. 34

<sup>307</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī, no.2207, lihat al-'Asqalānī, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 151

<sup>308</sup> *Ibid.*, jil. 5, m.s. 152

yang berkemungkinan tidak akan berhasil bahkan dengan tindakan itu dia tidak akan menolong menggalakkan kebatilan urusniaga ini berterusan<sup>309</sup>.

Namun terdapat sesetengah amalan dalam urusniaga ini yang lebih dahsyat lagi di mana jual-beli telah pun dibuat ketika pokok baru berbunga. Jualan ini seolah-olahnya sama seperti berjual-beli buah yang masih belum wujud lagi<sup>310</sup> atau *bay*<sup>f</sup> *al-ma*<sup>c</sup>*dūm*. Jual-beli seperti ini juga tidak diharuskan<sup>311</sup> bahkan ia adalah lebih *awlā* (utama) dilarang lantaran nilai *ghararnya* dikira lebih besar.

Hikmah larangan jual-beli ini ialah untuk mengelak daripada berlakunya perbalahan dan perselisihan sehingga boleh membawa kepada pertumpahan darah<sup>312</sup>.

#### i. Tanda Sesuatu Buah Itu Masak

Kebiasaannya buah-buahan atau biji-bijian itu dikira masak berdasarkan kepada dua keadaan<sup>313</sup> iaitu sama ada :-

1. Jenis buah yang dapat diketahui melalui penglihatan dan tandanya ialah ia telah berubah warna menjadi kekuningan, kemerahan atau apa-apa tanda matang yang menurut adatnya.

Terdapat satu hadis Nabi s.a.w. yang menjelaskan perkara ini, iaitu :-

<sup>309</sup> *Ibid.*, jil. 5, m.s. 141; al-Nawawi, *Sharḥ Muslim*, jil. 4, m.s. 141

<sup>310</sup> Muṣṭafā al-Bughā, *op. cit.*, juz. 6, m.s. 34

<sup>311</sup> Al-Shirāzī, *Matn al-Muhadhdhab*, lihat dalam al-Nawawi, *al-Majmu*<sup>c</sup>, jil. 9, m.s. 257

<sup>312</sup> Muṣṭafā al-Bughā, *op.cit.*, juz. 6, m.s. 34-35

<sup>313</sup> Al-<sup>c</sup>Asqalānī, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 143; Muṣṭafā al-Bughā, *op. cit.*, juz. 6, m.s. 35

نَهِيَ النَّبِيُّ (ص) أَنْ تَبَاعَ الشَّمْرَةُ حَتَّى تَسْقَحَ، فَقِيلَ: وَمَا تَسْقَحُ؟ قَالَ: تَحْمَارُ وَ  
تَصْفَارُ وَ يُؤْكَلُ مِنْهَا

Maksudnya: "Nabi s.a.w. melarang jualan buah-buahan sehingga tushqah, ada sahabat bertanya: "apakah tushqah itu?" Sabda Nabi s.a.w. : "Kemerahan, kekuningan dan boleh dimakan"<sup>314</sup>".

Perubahan warna ini pula tidaklah disyaratkan sehingga meliputi keseluruhan buah atau pokok tersebut tetapi memadai dengan perubahan di peringkat awal tanda masaknya sahaja<sup>315</sup> sehingga boleh dikira kemudiannya sebagai *gharar* yang sedikit (*yasir*).

2. Jenis yang dapat diketahui kematangannya bukan melalui penglihatan tetapi tandanya ialah melalui baunya yang telah berubah atau ia telah terasa lembut atau rasanya telah berubah dan sebagainya.

Ia disyaratkan masak kerana pada peringkat ini kebarangkalian rosaknya buah sebelum boleh diambil adalah sedikit. Justeru, kepentingan kedua belah pihak dapat dipelihara. Oleh yang demikian, Nabi s.a.w. pernah bersabda<sup>316</sup> :

فِإِذَا احْمَرَتْ وَ أَكْلَ مِنْهَا أَمْنَتِ الْعَامَةَ عَلَيْهَا

Maksudnya : "Maka apabila telah merah (masak) dan buahnya dapat dimakan maka terselamatlah ia daripada kerosakan (pada kebiasaanya)".

<sup>314</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, juz. 3, m.s. 34; lihat juga dalam Al-Asqalānī, *ibid*, jil. 5, m.s. 139, no. 2196

<sup>315</sup> *Ibid*, jil. 5, m.s. 143

<sup>316</sup> *Ibid*.

Buah-buahan yang telah masak atau telah mencapai tahap matang mempunyai risiko yang rendah untuk rosak atau hilang manfaatnya dan ia lebih selamat dalam menghadapi sesuatu bencana musibah kerana jika berlaku bencana sekalipun ia telah boleh dipungut dan dimakan<sup>317</sup>.

## ii. Keadaan Yang Dikecualikan Daripada Peringkat Masak

Terdapat buah-buahan yang ingin diambil ketika ia belum masak lagi untuk tujuan yang tertentu seperti untuk dibuat jeruk, dimakan muda, dimasak/digoreng muda dan sebagainya.

Dalam membicarakan masalah ini, al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar menganggap bahawa keadaan ini dikira terkeluar daripada lingkungan *gharar* iaitu apabila buah tersebut telah mencapai tahap yang bersesuaian untuk tujuan yang dimaksudkan seperti buah anggur muda<sup>318</sup>, buah mempelam, pisang dan sebagainya. Tidaklah disyaratkan buah itu mesti telah masak tetapi apa yang penting ialah buah-buahan itu telah sesuai diambil pada ketika yang tertentu menurut tujuannya.

Kini penjualan buah-buahan yang masih berada di atas pokok ini masih lagi kerap berlaku terutamanya oleh para peniaga yang akan menjualnya semula. Islam ingin menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak dengan menggariskan beberapa syarat yang mesti dibuat di dalam jual-beli sebegini iaitu penjualannya mestilah dilakukan sekurang-kurangnya setelah tanda-tanda awal masak itu telah

<sup>317</sup> al-Nawawi, *Sharḥ Muslim*, jil. 4, m.s. 137

<sup>318</sup> Muṣṭafā al-Bughā, *op. cit.*, juz. 6, m.s. 35

kelihatan padanya. Atau sekurang-kurangnya ia bukanlah belian tetapi tempahan untuk membelinya. Dengan ini kebarangkalian berlakunya sesuatu perbalahan dapat dikurangkan ke tahap optima.

### 2.11.2 *Bay' ḥabal al-ḥabalah*

Dari segi bahasa, *al-ḥabal* bermaksud berisi kandungan<sup>319</sup> seperti penggunaan pada kata – ‘perempuan itu mengandung’ kerana rahimnya berisi dengan kandungan janin. Ia adalah perkataan yang seerti dengan hamil (*al-ḥaml*)<sup>320</sup>.

Namun ahli bahasa bersepakat mengatakan bahawa perkataan *al-ḥabal* itu dikhususkan penggunaannya hanya kepada manusia sahaja sementara perkataan *al-ḥaml* itu boleh digunakan untuk manusia dan haiwan. Abū ʿUbayd menegaskan bahawa kata *al-ḥabal* tidak pernah digunakan untuk haiwan kecuali apa yang terdapat dalam hadis jual-beli *gharar* ini sahaja<sup>321</sup>.

Terdapat beberapa hadis Rasulullah s.a.w. berhubung dengan jual-beli ini. Di antaranya ialah :-

١. عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ قَالَ: نَهَا رَسُولُ اللَّهِ (ص) عَنْ بَيْعِ حَبْلِ الْجَبَلَةِ

Maksudnya : “Daripada Abū Ḥāfiẓ ibn Manzūr, *op. cit.*  
bahawa Rasulullah s.a.w. melarang jual-beli *ḥabal al-ḥabalah*<sup>322</sup>”.

<sup>319</sup> Ibn Manzūr, *op. cit.*

<sup>320</sup> *Ibid.*

<sup>321</sup> Al-Nawawī, *Sharḥ Muslim*, jil. 4, m.s. 122

<sup>322</sup> Hadis diriwayatkan oleh Muslim, lihat dalam al-Nawawī, *ibid.*

٢. أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ (ص) نَهَىَ عَنْ بَيْعِ حَبَلِ الْجَبَلَةِ وَكَانَ بَيْعًا يَبْنَاهُ أَهْلُ الْجَاهِلِيَّةِ؛ كَانَ الرَّجُلُ يَبْنَأُعَنِ الْجَزْوَرِ إِلَى أَنْ تُتْنَجِ النَّاقَةُ ثُمَّ تُتْنَجِ الْقَوْنِيَّ فِي بَطْنِهَا

Maksudnya : “Bahwasanya Rasulullah s.a.w. melarang jual-beli *habal al-habalah*, iaitu sejenis jual-beli yang diamalkan oleh orang-orang di zaman jahiliyah, di mana seseorang itu menjual unta sehingga beranaknya seekor unta yang kemudiannya akan beranak pula anak unta tersebut<sup>323</sup>”.

Ibn Hajar al-<sup>o</sup>Asqalānī berpendapat bahawa hadis di atas tidak mengkhusus hanya kepada unta sahaja. Sebaliknya unta yang disebutkan di dalam hadis itu hanyalah sebagai contoh sahaja kerana masyarakat Arab jahiliyyah ketika itu sememangnya tidak berjual-beli secara *habal al-habalah* kecuali terhadap unta sahaja. Dari segi hukum, tidak ada bezanya di antara unta dengan haiwan yang lain<sup>324</sup> kerana ia juga sah untuk diciqaskan kepada binatang yang lain. Apa yang penting ialah *cillah* hukumnya mestilah sama. Oleh itu ia hendaklah diciqaskan kepada perkara lain yang mempunyai persamaan *cillah* hukum padanya sama ada binatang atau barang yang lain.

#### a. Tafsiran Maksud

Para ulama' telah berbeza pendapat dalam mentafsirkan bentuk jualan yang dimaksudkan di dalam hadis tersebut secara teknikalnya<sup>325</sup>. Sebahagiannya ada yang mengatakan bahawa ia adalah jualan janin yang dikandung oleh seekor binatang<sup>326</sup> dan ini merupakan pendapat sebahagian daripada *fuqahā'* Hanafi<sup>327</sup>,

<sup>323</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī, *Šaḥīḥ al-Bukhārī*, juz. 3, m.s. 24-25; lihat juga dalam al-<sup>o</sup>Asqalānī, *op. cit.*, jil.5, ms. 91-92

<sup>324</sup> *Ibid.*, jil.5, ms. 92-93

<sup>325</sup> Muḥammad Sayyid Abmad Ḥamīd, *op. cit.*, m.s. 136

<sup>326</sup> Yūsuf Kamāl Muḥammad, *op. cit.*, m.s. 197

Mālikī<sup>328</sup> dan Shāfi‘ī<sup>329</sup>. Namun begitu, terdapat pula sebahagian ulama’ lain yang tidak bersetuju dan mengatakan bahawa tafsiran sebegini lebih sesuai untuk *bay‘ al-muḍāmīn*<sup>330</sup>.

Walau bagaimanapun, para ulama’ bersepakat pula dalam mengatakan bahawa kedua-dua jenis jual-beli tersebut sama ada *bay‘ habal al-habalah* mahupun *bay‘ al-muḍāmīn* dilarang oleh Islam kerana ia dikira sama seperti menjual sesuatu barang yang tidak dapat diketahui keadaannya (*al-majhūl* atau *al-ma‘dūm*), bahkan yang lebih utama lagi apabila ia juga tidak dapat dipastikan penyerahannya<sup>331</sup>. Oleh itu, perbezaan yang berlaku dalam penafsiran tersebut hanyalah pada nama atau teknikalnya sahaja tetapi tidak pula berbeza pada pengharamannya.

Ada pula yang mengatakan bahawa ia adalah jualan haiwan yang akan dilahirkan oleh haiwan yang masih berada di dalam kandungan ibunya. Ini adalah pendapat sebahagian *fuqahā’* mazhab Ḥanafi<sup>332</sup> dan sebahagian *fuqahā’* dari mazhab Ḥanbali<sup>333</sup>. *Ilah* hukumnya adalah sama seperti pendapat yang sebelum ini iaitu *bay‘ al-ma‘dūm* dan *al-majhūl* di mana ia belum lagi diketahui, dimiliki dan belum tentu mempunyai kemampuan penyerahan yang sempurna<sup>334</sup>. Bahkan sebenarnya bentuk jual-beli mengikut tafsiran ini mempunyai unsur *gharar* yang lebih besar lagi berbanding dengan tafsiran yang sebelumnya kerana ia adalah

<sup>327</sup> Ibn al-Humām, *Sharḥ Fath al-Qadīr*, cet. pertama, 1970, Maktabah Muṣṭafā al-Ḥalābi, Miṣr, jil. 6, m.s. 411

<sup>328</sup> Ibn Rushd, *op. cit.* jil. 2, m.s. 148

<sup>329</sup> Al-Nawawī, *al-Majmū‘*, jil. 9, m.s. 414; al-Ramli, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 449

<sup>330</sup> Yūsuf Kamāl Muḥammad, *op. cit.*, m.s. 197

<sup>331</sup> Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 27

<sup>332</sup> Ibn al-Humām, *op. cit.*, jil. 6, m.s. 411; Ibn ‘Abidīn, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 106

<sup>333</sup> Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 27-28

<sup>334</sup> al-Nawawī, *Sharḥ Muslim*, jil. 4, m.s. 122

jualan suatu barang yang terhasil daripada suatu barang yang masih belum diperolehi lagi.

Selain itu, ia ditafsirkan juga sebagai jualan seekor unta betina yang pembayarannya akan dilunaskan setelah unta itu melahirkan anak unta betina dan anak unta betina itu kemudiannya akan melahirkan anak pula<sup>335</sup>. Terdapat juga sebahagian *fuqahā'* yang lain mengatakan bahawa ia adalah jualan sesuatu barang secara bertangguh bayarannya sehingga kepada satu tempoh yang tertentu iaitu apabila anak yang dikandung oleh seseekor haiwan (unta yang tertentu contohnya) lahir, membesar dan kemudiannya membunting dan melahirkan pula anaknya yang lain. Pendapat ini memberikan satu perspektif yang berbeza dari tafsiran yang sebelumnya dan ia merupakan pendapat sebahagian *fuqahā'* daripada mazhab Ḥanafi<sup>336</sup>, Mālikī<sup>337</sup> dan Shāfi‘ī<sup>338</sup>. Pun begitu maksud dan *cillah* hukumnya adalah hampir sama sahaja kesemuanya iaitu tidak lari daripada *maḍūm*, *majhūl*, tidak dimiliki dan tidak dapat dipastikan penyerahannya<sup>339</sup>. Pelbagai kemungkinan boleh berlaku seperti anak unta tersebut berkemungkinan akan mati, mandul atau dilahirkan jantan dan hal ini sudah tentu akan mengundang berlakunya suatu masalah dalam jual-beli tersebut<sup>340</sup>.

Sebagai kesimpulan, jual-beli *ḥabal al-ḥabalah* ini dilarang oleh Islam disebabkan wujudnya beberapa unsur *gharar* dan yang utamanya ialah<sup>341</sup> :-

<sup>335</sup> Afzal-Ur-Rahman, (1994), *Doktrin Ekonomi Islam*, terj. Zaharah Salleh, cet. kedua, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, jil. 2, m.s. 53

<sup>336</sup> Ibn al-Humām, *op. cit.*, jil. 6, m.s. 411

<sup>337</sup> Ibn Rushd, *op. cit.*

<sup>338</sup> Al-Nawawī, *al-Majmū‘*, jil. 9, m.s. 414; al-Nawawī, *Sharḥ Muslim*, jil. 4, m.s. 122; al-Rāmī, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 449

<sup>339</sup> Al-‘Asqalānī, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 358

<sup>340</sup> Ibn al-Humām, *op. cit.*, jil. 6, m.s. 411

<sup>341</sup> Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 28

- 1) Barang jualan tidak wujud. Oleh itu, tidak dapat diketahui dengan jelas keadaan janin yang sedang dikandung itu bahkan tidak dapat dipastikan juga adakah ia akan hidup dan akan melahirkan anak kemudiannya.
- 2) Tempoh sempurna jualan tersebut tidak dapat ditentukan terutamanya untuk menunggu haiwan yang sedang di dalam kandungan itu lahir, membesar dan akhirnya melahirkan anak pula pada suatu masa nanti.

Jual-beli sebegini dilihat lebih bersifat tidak adil. Ini kerana menurut tafsiran yang pertama iaitu jualan janin yang sedang dalam kandungan, ia lebih menguntungkan penjual sedangkan pembeli hanya bergantung kepada nasib sama ada anak haiwan tersebut akan lahir dengan sempurna atau tidak. Begitu juga jika menurut kepada tafsiran yang kedua iaitu pembeli tidak dapat pula memastikan bilakah barang jualan akan diperolehinya iaitu anak kepada anak yang masih di dalam kandungan.

Berbeza dengan tafsiran ketiga yang lebih memberikan keselesaan kepada pembeli di mana dia diberikan suatu tempoh pembayaran yang begitu panjang dan tidak dihadkan pula masanya. Sebaliknya penjual pula yang terpaksa menanggung satu risiko yang besar untuk menunggu bayaran barang jualannya.

---

### 2.11.3 *Bay<sup>c</sup> Al-Mulāmasah*

*Al-mulāmasah* adalah kata terbitan daripada kata *lāmasa* (لامس) iaitu daripada pecahan kata *lamisa* (لمس) yang bermaksud pegang atau sentuh<sup>342</sup>. Larangan terhadap jual-beli ini telah dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. seperti di dalam hadis :

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ (ص) نَهَىٰ عَنِ الْمُلَامِسَةِ وَالْمُنَابِذَةِ

Maksudnya : “Bahawasanya Rasulullah s.a.w. mlarang jual-beli *al-mulāmasah* dan *al-munābadhah*<sup>343</sup>”.

Meskipun begitu, terdapat beberapa tafsiran ulama' tentang bentuk yang dikatakan sebagai jual-beli *al-mulāmasah* ini, iaitu<sup>344</sup> :

1 ) Segolongan *fuqahā'* seperti *fuqahā'* mazhab Hanafi<sup>345</sup>, Mālikī<sup>346</sup>, Ḥanbalī<sup>347</sup> dan yang lainya berpendapat bahawa hanya dengan semata-mata pegang atau sentuh itu sebagai tanda berlakunya jual-beli iaitu sebagai menggantikan *sighah* akad. Contohnya jika seorang penjual itu mengatakan, “jika engkau pegang bajuku ini, maka ia dikira terjual kepada engkau dengan harga sekian-sekian”.

Jual-beli ini sebenarnya tidak diizinkan oleh Islam disebabkan beberapa perkara iaitu :

<sup>342</sup> *Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asā'i*, m.s. 1101

<sup>343</sup> Hadis diriwayatkan oleh Muslim, no.1511 , lihat dalam al-Nawawi, *Sharḥ Muslim*, jil. 4, m.s. 119

<sup>344</sup> Al-Nawawi, *Sharḥ Muslim*, jil.4, m.s.120 – beliau menyebutkan 3 takwilan kepada maksudnya itu tetapi takwilan kedua dan ketiga beliau itu mempunyai persamaan; cf Dr. Muhammad Sayyid Ahmad ‘Āmir, *op. cit.*, m.s. 136-138

<sup>345</sup> Ibn al-Hūrāmān, *op. cit.*, jil.6, m.s. 417

<sup>346</sup> Ibn Rushd, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 148

<sup>347</sup> Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 28

a - Wujudnya *gharar* pada akad itu sendiri di mana terdapatnya unsur *ta‘līq* (pergantungan akad) iaitu disyaratkan apabila dipegang sahaja maka dikira berlaku jual-beli tersebut. Kewujudan *ta‘līq* ini secara langsung akan merosakkan akad<sup>348</sup> kerana ia telah menafikan hak pembeli untuk melihat, meneliti dan bebas memilih sama ada untuk membeli atau tidak.

b - Wujudnya unsur *majhūl* (ketidaktahuan) terhadap sifat-sifat dan keadaan barang yang dipermiagakan.

2) Ia juga ditafsirkan dengan apabila penjual mendatangkan sesuatu barang secara terlindung atau ketika gelap dan dipegang oleh pembeli, lalu kata penjual, "aku jual barang ini dengan sekian-sekian harga dengan syarat sentuhan engkau dikira sama seperti engkau melihatnya (iaitu dengan maksud ia tidak boleh dilihat lagi sebelum membelinya) dan tidak ada *khiyār* apabila engkau melihatnya".

Tafsiran seperti ini disebut oleh sebahagian besar *fugahā'* mazhab Shāfi‘ī<sup>349</sup>. Jual-beli seperti ini dilarang oleh Islam disebabkan beberapa perkara iaitu :

a - Sifat-sifat dan keadaan barang itu yang sebenarnya tidak dapat dipastikan sama ada mengikut kehendak pembeli atau tidak.

b - Disyaratkan pembatalan *khiyār* sedangkan *khiyār* adalah juga merupakan hak pembeli sama ada *khiyār majlis*, *cayb*, *sharṭ* dan sebagainya.

<sup>348</sup> Ibn al-Humām, *op. cit.*

<sup>349</sup> Al-Nawawi, *al-Majmū‘*, jil. 9, m.s. 416; al-Khaṭīb al-Sharbīni, *Mughnī al-Muhtāj*, jil. 2, m.s. 31

3) Terdapat juga sebahagian ulama' antaranya Abū Hurayrah<sup>350</sup> yang mentafsirkannya seperti apabila seorang penjual itu berkata, "aku jual baju ini dengan pertukaran baju engkau", dengan masing-masing pihak tidak boleh melihat dan memeriksa baju orang lain kecuali dengan sentuhan dan pegangan sahaja.

Akad ini juga tidak diiktiraf oleh Islam kerana wujudnya unsur *majhūl* terhadap sifat dan keadaan sebenar barang jualan tersebut.

Sebagai kesimpulannya, kesemua tafsiran ini walaupun kelihatan mempunyai sedikit perbezaan namun ia masih tidak terkeluar daripada maksud yang disebut di dalam hadis-hadis yang menceritakan tentang hukum jual-beli *al-mulāmasah* ini<sup>351</sup>. Umumnya ia bermaksud suatu jual-beli yang tidak boleh diperhatikan barang jualan secara jelas dan meyakinkan melalui pancaindera mata tetapi hanya melalui sentuhan sahaja dan ini tentunya bukanlah satu cara pemerhatian yang menyeluruh malah ia lebih kepada berserah kepada nasib. Oleh itu, kemungkinan tertipu atau sengaja ditipu amat mudah berlaku dan justeru itulah Islam melarangnya.

Ringkasnya, terdapat dua unsur utama yang menyebabkan jual-beli *al-mulāmasah* ini diharamkan oleh Islam, iaitu<sup>352</sup> :-

<sup>350</sup> Al-Shawkānī, *Nayl al-Awṣār*, t.t., al-Qāhirah: Maktabah Dār al-Turāth, jil. 6, m.s. 234; Shams al-Dīn Ābādi, *op. cit.*, jil. 9, m.s. 166

<sup>351</sup> Hammād Raḍwān Ḥammād, *op. cit.*, m.s. 150

<sup>352</sup> Ibn al-Humām, *op. cit.*

- 1) Wujudnya suatu *ta'liq* di dalam jual-beli tersebut yang menafikan hak pembeli untuk melihat, meneliti dan memilih untuk menyempurnakan jual-beli tersebut.
- 2) Penafian *khiyār* oleh penjual juga dikira telah melanggar hak asasi pembeli.

Terdapat hadis yang lebih jelas dalam menerangkan maksud jual-beli ini iaitu hadis yang diriwayatkan oleh Abū Sa'īd al-Khudrī, katanya :

نَهَا رَسُولُ اللَّهِ (ص) عَنِ الْمُلَامَسَةِ وَالْمُنَابَدَةِ فِي الْبَيْعِ، وَالْمُلَامَسَةُ: لَمْسُ الرَّجُلِ ثُوبَ الْآخَرِ بِيَدِهِ بِاللَّيلِ أَوْ بِالنَّهَارِ وَلَا يَقْتُلُهُ.....  
الْمُنَابَدَةُ: لَمْسُ الرَّجُلِ ثُوبَ الْآخَرِ بِيَدِهِ بِاللَّيلِ أَوْ بِالنَّهَارِ وَلَا يَقْتُلُهُ.....الخ

Maksudnya : "...Rasulullah s.a.w. telah melarang jual-beli *al-mulāmasah* dan *al-munābadhah*. Jual-beli *al-mulāmasah* itu ialah apabila seseorang itu memegang baju orang lain (penjual) dengan tangannya sama ada ketika malam atau siang dan dia tidak menelitinya ... (hingga akhir hadis)<sup>353</sup>".

#### 2.11.4 *Bayc* *al-Munābadhah*

*Al-munābadhah* berasal daripada pecahan kata *nabadha* (نبذ) yang bermaksud melontar atau mencampakkan sesuatu<sup>354</sup>.

*Bayc* *al-munābadhah* ini dilarang oleh Islam melalui beberapa hadis antaranya ialah :

<sup>353</sup> Hadis diriwayatkan oleh Imam Muslim, lihat *Sahīh Muslim Bi Sharḥ al-Nawawī*, Kitāb al-Buyūl<sup>c</sup>, Bab Ibṭāl Bayc al-Mulāmasah Wa al-Munābadhah, no. 1512, jil. 4, m.s. 120  
<sup>354</sup> *Al-Mu'jam al-‘Arabi al-Asāsi*, m.s. 1168

mencampakkannya kepada engkau maka ia dikira terjual kepada engkau”, iaitu dengan ketiadaan *khiyār* lagi kepada pembelinya<sup>359</sup>.

Pandangan ini dipegang oleh sebahagian *fuqahā'* mazhab Ḥanafī, sebahagian mazhab Shāfi'ī dan lain-lainnya<sup>360</sup>.

- 3) Begitu juga terdapat juga ulama' yang mentakrifkannya dengan pengertian yang terbalik, iaitu pembeli meminta penjual untuk mencampakkan barang itu kepadanya dan bukannya syarat itu datang daripada penjual seperti jika pembeli berkata, “mana-mana baju yang engkau campakkan kepada aku, maka aku akan beli”<sup>361</sup>.
- 4) Selain itu terdapat pula sebahagian ulama' yang berpendapat bahawa *bayf al-munābadhah* ini adalah sama sahaja pengertiannya dengan *bayf al-ḥaṣāh*<sup>362</sup>.

Sebagai kesimpulannya, jual-beli yang berbentuk *al-munābadhah* ini sebenarnya lebih banyak mengandungi unsur *gharar* berbanding dengan *al-mulāmasah* kerana dalam jual-beli *al-mulāmasah* pembeli sekurang-kurangnya boleh memegang dan menyentuh barang jualan tersebut sebelum membelinya tetapi tidak dalam jual-beli *al-munābadhah* di mana barang jualan langsung tidak disentuh oleh pembeli. Oleh itu jualan sebegini tidak sah kerana menyekat hak

<sup>359</sup> Al-Nawawī, *Sharḥ Muslim*, jil. 4, m.s. 119

<sup>360</sup> Al-Nawawī, *al-Majmū'*, jil. 9, m.s. 416; al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 13

<sup>361</sup> Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 229

<sup>362</sup> Al-Nawawī, *Sharḥ Muslim*, jil. 4, m.s. 120

pembeli bahkan kemungkinan besar pembeli tidak meredai jual-beli tersebut apabila barang yang dibelinya itu tidak memenuhi kehendaknya<sup>363</sup>.

### 2.11.5 *Bay<sup>c</sup> al-Hasāh*

*Al-Hasāh* (الحصاة) pada asalnya bermaksud anak batu<sup>364</sup>. Jual-beli ini dinamakan sedemikian kerana pada asasnya ia mengambil kira lontaran anak batu sebagai faktor utama dalam menentukan sesuatu barang jualan.

Mengenai jual-beli ini, terdapat hadis yang diriwayatkan daripada Abū Hurayrah r.a. iaitu beliau berkata :

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ (ص) عَنْ بَيْعِ الْحَصَّاءِ وَعَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ

Maksudnya : "Rasulullah s.a.w. telah melarang daripada jual-beli *al-Hasāh* dan daripada jual-beli *al-Gharar*<sup>365</sup>".

#### i. Tafsiran Makna Dan Analisis

Para ulama' telah memberikan pelbagai pendapat di dalam mentafsirkan bentuk *bay<sup>c</sup> al-Hasāh* ini. Sebahagian daripada mereka mengatakan bahawa ia adalah apabila dibalingkan batu kepada barang jualan dan mana-mana barang yang terkena batu itu dikira terjual kepada pembaling batu tersebut dengan harga yang

<sup>363</sup> *Ibid.*

<sup>364</sup> *Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asāsi*, m.s. 325-326

<sup>365</sup> Hadis diriwayatkan oleh Jamā'ah kecuali al-Bukhārī, lafaz hadis yang disebutkan di atas ialah menurut Muslim, lihat dalam al-Nawawi, *Sharḥ Muslim*, Kitāb al-Buyūt, no. 1513, jil. 4, m.s. 121

tertentu, sekalipun barang tersebut belum diteliti lagi keadaannya oleh pembeli berkenaan serta tidak boleh pula dikhayarkan lagi.

Ia adalah pendapat al-Kamāl bin al-Humām<sup>366</sup> dan kebanyakan *fuqahā'* mazhab Ḥanafī<sup>367</sup>. Begitu juga pendapat Ibn Rushd di dalam salah satu tafsiran yang disebutkan olehnya<sup>368</sup> di samping merupakan salah satu pendapat dalam mazhab Shāfi'i<sup>369</sup>, Ḥanbalī<sup>370</sup> dan Shi'ah<sup>371</sup>.

Termasuk juga di dalam takrifannya ialah jual-beli tanah yang diukur keluasannya mengikut sejauh mana lontaran batu yang dibuat oleh pembeli. Ini juga adalah antara pendapat daripada *fuqahā'* mazhab Shāfi'i<sup>372</sup>, Ḥanbalī<sup>373</sup> dan Shi'ah<sup>374</sup>.

*"Illa* hukumnya adalah kerana barang tersebut tidak dapat dipastikan terlebih dahulu keadaannya yang sebenar di mana tidak diketahui kadarnya, jenisnya dan keadaannya<sup>375</sup>. Shaykh al-Ramli<sup>376</sup> mengatakan bahawa *"illa* larangannya ialah kerana tidak ada *sighah* jual-beli padanya, barang jualan tidak boleh diteliti dan kerana adanya syarat yang ditolak oleh syarak seperti menafikan hak untuk melakukan *khiyār*.

<sup>366</sup> Ibn al-Humām, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 196

<sup>367</sup> Al-Shawkānī, *op. cit.*, jil. 6, m.s. 32

<sup>368</sup> Ibn Rushd, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 148

<sup>369</sup> Al-Ramli, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 433

<sup>370</sup> Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 207-208

<sup>371</sup> Ibn al-Murtadā, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 294

<sup>372</sup> Al-Ramli, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 433

<sup>373</sup> Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 207-208

<sup>374</sup> Ibn al-Murtadā, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 294

<sup>375</sup> Ibn Rushd, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 148; Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 207-208; Ibn al-Murtadā, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 294; al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, jil. 2, m.s. 44

<sup>376</sup> Al-Ramli, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 433

Terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa jual-beli ini sama seperti jika seorang penjual itu berkata, “aku jual kepada engkau barang ini dengan harga sekian-sekian, di mana apabila aku lontarkan batu ini maka dikira berlakulah jual-beli ini<sup>377</sup>”. Jualan seperti ini dilarang oleh Islam kerana ia menafikan ruang yang selesa kepada pembeli untuk membuat pilihan secara bebas. Oleh itu, tafsiran ini mempunyai maksud yang sama seperti tafsiran yang sebelumnya.

Ada juga sebahagian ulama' yang mengatakan bahawa penggunaan *khiyār* masih diberi dalam jual-beli tersebut seperti takrifan sebahagian ulama' mazhab Shāfi'i<sup>378</sup> dan Shi'ah yang lain<sup>379</sup>. Pada pandangan penulis, takrifan ini agak longgar kerana jika dibolehkan melakukan *khiyār* padanya, jual-beli ini menunjukkan bahawa *gharar* yang ada padanya itu amat rapuh dan tidak akan memudaratkan mana-mana pihak. Bahkan pensyaratan seperti ini boleh menjadikan jual-beli *al-ḥaṣāh* itu dilihat sebagai bebas daripada unsur *gharar* atau sekurang-kurangnya dikira sedikit nilainya. Justeru itu pendapat ini kurang sesuai kerana ia seolah-olah berlawanan pula dengan kehendak hadis yang melarang jual-beli *al-ḥaṣāh* tersebut.

Sebagai kesimpulannya, jual-beli *al-ḥaṣāh* ini menurut salah satu definisinya yang di atas boleh disamakan seperti permainan ‘tikam’ yang masih lagi wujud hingga ke hari ini. Dalam konteks jual-beli saham, bentuk jual-beli sebegini tidak digunakan sekarang. Namun apa yang penting ialah kita ingin memahami sebab-sebab mengapa ia dilarang oleh Islam.

<sup>377</sup> Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 29

<sup>378</sup> Al-Ramli, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 433

<sup>379</sup> Ibn al-Murtadā, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 294

Dalam jual-beli *al-ḥaṣāḥ* ini kita dapati wujudnya unsur tidak jelas pada barang jualan tersebut kerana barang tersebut tidak ditentukan terlebih dahulu secara pasti sebaliknya mana-mana sahaja barang yang terkena lontaran batu dikira terjual kepada pembeli berkenaan. Pembeli akan mengalami kerugian jika barang tersebut tidak diingini olehnya atau jika barang itu lebih murah nilainya berbanding dengan harga yang telah dibayarnya. Sementara penjual pula menghadapi risiko jika barang yang dilontari itu lebih mahal nilainya berbanding bayaran yang diterima. Bahkan keadaan barang yang diperolehi oleh pembeli itu kadang-kadang tidak dapat dipastikan dahulu sama ada sempurna atau tidak kerana kedudukannya yang jauh daripada pembeli dan tidak dapat diteliti terlebih dahulu.

#### 2.11.6 Jual Beli Barang Yang Belum Diterima

Menjual sesuatu barang belian yang masih belum diterima (*qabḍ*) lagi daripada penjualnya adalah termasuk sebahagian daripada jual-beli yang mengandungi unsur-unsur *gharar*.

Terdapat hadis-hadis Nabi s.a.w. yang secara jelas melarang jual-beli seperti ini, di antaranya ialah :-

1. Ibn Ḥabbān r.a. berkata,<sup>380</sup> :

أَمَا الَّذِي نَهَى عَنْهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَهُوَ الطَّعَامُ أَنْ يَبْاعَ حَتَّى يَقْبَضَنَّ. قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ : وَلَا أَحْسِبَ كُلَّ شَيْءٍ إِلَّا مِنْهُ

<sup>380</sup> Hadis diriwayatkan oleh Bukhārī, *op. cit.*, juz. 3, m.s. 23; lihat juga dalam al-Asqalānī, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 82

Maksudnya : "Adapun perkara yang dilarang oleh Nabi itu ialah menjual barang makanan kecuali sehingga ia diterima dahulu. Ibn 'Abbās pula telah berkata, : "dan aku tidak menganggap segala barang yang lain itu kecuali sama sepertinya (barang makanan tersebut)".

2. Sabda Nabi s.a.w., :

مَنِ ابْتَاعَ طَعَامًا فَلَا يَبْعِيْهُ حَتَّىٰ يَسْتَوْفِيْهُ

Maksudnya : "Sesiapa yang membeli sesuatu makanan maka janganlah dia menjualnya sehingga dia menerimanya dahulu"<sup>381</sup>.

لَا تَبْعِيْهُ مَا لَيْسَ عِنْدَكَ

Maksudnya : "Jangan kamu jual barang yang tidak ada di sisimu"<sup>382</sup>.

Hadis-hadis di atas menunjukkan larangan menjual semua jenis barang yang tidak ada ketika akad termasuklah yang belum *diqabḍ*.

Terdapat hadis yang lebih jelas lagi dalam konteks ini iaitu hadis yang diriwayatkan oleh Muslim, bahawa Nabi s.a.w. bersabda :-

مَنِ ابْتَاعَ طَعَامًا فَلَا يَبْعِيْهُ حَتَّىٰ يَسْتَوْفِيْهُ

Maksudnya : "Barang siapa yang menjual sesuatu makanan maka janganlah dia menjualnya sehingga dia memperolehinya"<sup>383</sup>.

Berdasarkan hadis di atas, para ulama' sepakat mengatakan bahawa Islam melarang jual-beli barang makanan sebelum diterima penyerahannya daripada pihak penjual<sup>384</sup>.

<sup>381</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bukhārī, *op. cit.*, juz. 3, m.s. 23

<sup>382</sup> Hadis diriwayatkan oleh Abū Dāwud, *Sunan*, jil. 3, m.s. 283; al-Tirmidhī, *Sunan*, jil. 3, m.s. 16

<sup>383</sup> Hadis diriwayatkan oleh Muslim, no. 1525, lihat dalam al-Nawawī, *Sharh Muslim*, jil. 4, m.s. 130

Hadir di atas secara terang melarang jualan sesuatu barang makanan yang belum digabung oleh pembeli tersebut kerana pelbagai andaian boleh berlaku dalam tempoh tersebut.

Walaupun begitu, para ulama' berbeza pendapat dalam menentukan jenis-jenis barang yang selain daripada makanan mengikut maksud zahir hadis. Adakah yang dimaksudkan di dalamnya itu termasuk semua jenis barang atau hanya terhad kepada barang makanan sahaja. Secara pastinya terdapat beberapa pendapat yang utama dalam hal ini iaitu :-

- 1] Pandangan *fiqahā'* dari mazhab Shāfi'i dan sebahagian Ḥanafī ialah tidak harus secara mutlak di mana larangan yang dimaksudkan oleh hadis tersebut adalah untuk semua jenis barang kerana larangan di dalam hadis tersebut adalah bersifat umum dan tidak ada pula hukum kekecualian padanya. Bagi mereka, dalam konteks ini semua jenis barang itu mengandungi unsur larangan yang sama iaitu unsur *gharar* dan *riba*. Sementelahan rawi hadis ini juga berpendapat sedemikian iaitu Ibn 'Abbās r.a. di mana beliau menganggap bahawa semua barang adalah sama seperti hukum menjual makanan tersebut<sup>384</sup>.
- 2] Sebahagian ulama' yang lain pula mengatakan bahawa barang yang dilarang itu adalah semua perkara kecuali bangunan, rumah atau tanah. Barang ini dikecualikan kerana sifatnya yang tidak boleh dipindahkan dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain menjadikan unsur *gharar* yang wujud padanya itu dikira

---

<sup>384</sup> *Ibid.*

<sup>385</sup> *Ibid.*

sedikit. Bahkan cara *qabd* untuk barangan seperti rumah ini tidaklah melalui perpindahan tangan tetapi melalui kaedah *al-takhliyyah* iaitu pemilik asalnya mengosong dan menghilangkan segala halangan penggunaannya kepada pembeli. Ini merupakan pandangan al-Imām Abū Ḥanīfah.

3] Sebahagian ulama' yang lain pula, antaranya ialah daripada kalangan *fuqahā'* mazhab Ḥanbali<sup>386</sup> seperti Ibn Qudāmah, satu riwayat daripada Imam Aḥmad, al-Kharqī, *fuqahā'* mazhab Mālikī, al-Ḥasan, Sa'īd al-Musayyab dan lain-lain mengatakan bahawa yang dimaksudkan di dalam larangan tersebut ialah terhadap jenis barang-barang yang kadarnya ditentukan melalui sukatan, timbangan atau bilangan.

4] Seterusnya ada juga ulama' yang mengatakan bahawa larangan tersebut hanyalah terhadap barang makanan sahaja dan tidak kepada barang yang lainnya. Ini kerana mereka bersandarkan kepada maksud zahir hadis yang melarang menjual makanan yang belum *diqabḍ*. Di antara mereka ialah Imam Mālik bin Anas<sup>387</sup> dan Imam Aḥmad (mengikut pendapat yang terkuat daripada beliau menurut Ibn 'Abd al-Bār)<sup>388</sup>.

Namun terdapat pula satu pandangan yang amat berlainan daripada pendapat-pendapat di atas iaitu pendapat daripada al-Butī (ابن بطىء) di mana beliau mengatakan bahawa tidak mengapa menjual semua jenis barang sebelum menerima. Dalam hal ini, Ibn 'Abd al-Bār mengatakan bahawa pendapat ini

<sup>386</sup> Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 115

<sup>387</sup> Lihat dalam al-Nawawi, *Sharḥ Muslim*, jil. 4, m.s. 131

<sup>388</sup> Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 116

jelas bertentangan dengan hadis dan ijmak ulama' (iaitu pada barang makanan), tetapi beliau membuat andaian bahawa kemungkinan al-Buti tidak menerima hadis tersebut<sup>389</sup>.

#### i. Jualan *al-Sukūk* (صكوك)

*Al-sukūk* berasal daripada kata *al-sakk* (صك) iaitu satu dokumen perniagaan di mana tertulis padanya sejumlah jaminan pembayaran secara hutang. Pada awalnya *al-sakk* ini dikeluarkan oleh pihak kerajaan kepada orang-orang yang berhak menerimanya untuk ditukarkan dengan barang makanan atau barang-barang lain. Ia berlaku pada zaman Khalifah Marwān<sup>390</sup>.

Dalam hal ini terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim di mana Abū Hurayrah r.a. berkata kepada Marwān, : "Kamu telah menghalalkan riba", lalu Marwān bertanya, : "Apakah yang telah aku lakukan?", kata Abū Hurayrah : "Kamu telah menghalalkan jual-beli *al-sikāk*<sup>391</sup> sedangkan Rasulullah s.a.w. telah melarang menjual makanan sehinggalah ia diperolehi dahulu". Lalu Marwān memberitahu orang ramai dan menegah mereka berjual-beli seperti itu. Sulaymān<sup>392</sup> berkata, : "Aku lihat pengawal-pengawal mengambilnya daripada orang ramai"<sup>393</sup>.

<sup>389</sup> *Ibid.*

<sup>390</sup> Al-Nawawi, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 133; *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, m.s. 742

<sup>391</sup> *Al-Sikāk* ialah salah satu daripada kata *jama'* bagi *al-sakk* iaitu selain daripada kata *al-sukūk*, lihat al-Nawawi, *Sharh Sahīh Muslim*, jil. 4, m.s. 132

<sup>392</sup> Beliau ialah Sulaymān bin Yasrā iaitu periyat hadis yang menerimanya daripada Abū Hurayrah.

<sup>393</sup> Hadis diriwayatkan oleh Muslim, No.1528, *Kitāb al-Buyū'*, lihat dalam al-Nawawi, *Sahīh Muslim Bi Sharh al-Nawawi*, jil. 4, m.s. 132

Masalah ini berpunca apabila orang yang diberi *al-sukūk* ini telah menjualnya kepada orang lain sedangkan ia adalah suatu penyata kewangan secara hutang dan dia masih belum menerima barang makanan tersebut. Dalam hal ini, para ulama' telah berbeza pendapat dalam menentukan sama ada *sukūk* itu dilarang atau diharuskan<sup>394</sup>.

Sebahagian ulama' berpendapat bahawa ia tidak dibolehkan kerana berpegang dengan pendapat Abū Hurayrah yang meriwayatkan hadis berkenaan. Tetapi pendapat yang paling kuat menurut Imam al-Nawawī ialah membolehkan jualan tersebut dilakukan dan ini menurut pendapat mazhab Shāfi'i dan lain-lainnya<sup>395</sup>.

Beliau berhujjah bahawa pemilik *sukūk* itu benar-benar memilikiinya dengan sempurna secara konsisten. Oleh itu ia tidak ditegah menjualkannya sama seperti keharusan menjual harta perwarisan *farā'id* yang menjadi haknya dan akan diterimanya sekalipun ia belum lagi *diqabḍ*<sup>396</sup>. Pun begitu penulis dapati bahawa Abū Hurayrah hanya mengaitkan jualan *sukūk* ini dengan masalah riba dan bukannya *gharar* sedangkan Imam Nawawi pula memasukkannya di dalam perbahasan jualan sesuatu sebelum barang tersebut diterima iaitu dalam masalah *gharar* dan mengharuskannya berlandaskan hujjah bahawa *gharar* dalam jualan ini adalah sedikit.

<sup>394</sup> *Ibid.* jil. 4, m.s. 133

<sup>395</sup> *Ibid.*

<sup>396</sup> *Ibid.*

Jual-beli ini ditakrifkan sebagai menjual sejumlah barang dengan mengecualikan sebahagiannya daripada jualan tersebut. Contohnya ialah apabila seseorang itu menjual sejumlah pakaian dengan mengecualikan sehelai sahaja daripadanya dengan tidak diketahui yang manakah yang dimaksudkan oleh penjual tersebut. Namun, hukumnya akan berubah jika dapat diketahui manakah baju yang dimaksudkan tersebut di mana para ulama' telah bersepakat dalam mengatakan keharusannya itu dan jualan tersebut sah hukumnya<sup>397</sup>.

Walau bagaimanapun, terdapat sedikit kekhilafan di kalangan ulama' apabila barang yang dikecualikan daripada jualan itu tidak dinyatakan sifat-sifatnya oleh penjual. Sebahagian daripada mereka mengatakan bahawa terdapat sedikit kelonggaran yang diberikan kepada penjual untuk menentukan barang yang dimaksudkan olehnya, iaitu dalam tempoh yang tertentu dalam majlis tersebut. Namun *fuqahā'* mazhab Shāfi'i secara tegas mengatakan jualan ini tidak sah kerana bagi mereka selagi wujud unsur *gharar* dalam sesuatu akad maka ia dikira tidak sah<sup>398</sup>.

Ini kerana terdapat larangan yang jelas dalam sebuah hadis iaitu :

نَهَىٰ رَسُولُ اللّٰهِ (ص) عَنِ الْمُحَالَةِ وَالْمَزَابِنَةِ وَالْمَخَابِرَةِ وَالثُّنِيَّةِ إِلَّا أَنْ تَعْلَمَ

Maksudnya : "Rasulullah s.a.w. telah melarang jual-beli *al-muhāalah*, *al-muzābahah*, *al-mukhābarah* dan *al-thunyā* kecuali jika kamu mengetahuinya"<sup>399</sup>.

<sup>397</sup> Muhammad Sayyid Ahmad Āmir, *op. cit.*, m.s. 141

<sup>398</sup> *Ibid.*

<sup>399</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Tirmidhi, hadis no. 1290, lihat dalam al-Mubārakafūrī, *Tuhfat al-Ahwādhī Bi Sharḥ al-Tirmidhī*, jil. 4, m.s. 420 (Hasan Sabīb); al-Nasā'i, lihat dalam al-Shawkānī, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 171

Jualan *al-thanayā* ini dilarang oleh Islam kerana sifatnya yang *majhūl* iaitu jika tidak ditentukan manakah bahagian kekecualian yang dimaksudkan oleh penjual. Oleh itu, para ulama' sepakat mengatakan bahawa jualan tersebut dikira sah jika bahagian yang dikecualikan oleh penjual itu ditentukan atau dipastikan terlebih dahulu kerana ia bersesuaian dengan maksud hadis dan seterusnya ia akan menghilangkan *gharar* padanya<sup>400</sup>.

Sebagai kesimpulannya, jualan *al-thanayā* ini dilarang kerana dibimbangi berlaku perbalahan selepas berlakunya sesuatu jualan akibat daripada salah faham terhadap barang yang dimaksudkan oleh penjual ketika akad. Tetapi jika kekecualian pada barang tersebut telah ditentukan terlebih dahulu, maka tidak ada perbalahan yang akan timbul berkenaan kekecualian tersebut kerana ia telah dipersetujui bersama.

#### 2.11.8 Jual Beli Barang Yang Tiada Bersama

Jual-beli ini ditakrifkan sebagai jualan barang yang tidak dilihat ketika akad jual-beli dilakukan sama ada barang tersebut memang tidak ada di tempat akad atau ada di situ tetapi tidak diperlihatkan oleh penjual seperti jika tersimpan di dalam suatu bekas dan sebagainya<sup>401</sup>.

Hukum jualan ini berasal daripada sebuah hadis di mana Ḥakīm ibn Ḥizām berkata kepada Nabi s.a.w., : "Ya Rasulullah, ada seorang lelaki datang kepadaku lalu bertanyakan kepadaku tentang barang jualan sedangkan aku tidak mempunyai

<sup>400</sup> Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 29-30

<sup>401</sup> Hammad Raḍwān Ḥammad, *op. cit.*, m.s. 199

apa-apa untuk dijualkan kepadanya, lalu aku berkira untuk menjual barang yang berada di pasar kepadanya". Lalu sabda Nabi s.a.w., :

لَا تَبْعَدْ مَا لَيْسَ عِنْدَكُمْ

Maksudnya : "Janganlah engkau menjual apa-apa yang tidak ada di sisimu"<sup>402</sup>.

Para ulama' tidak sependapat dalam menentukan hukum jual-beli ini. Sebahagian daripada mereka seperti *fuqahā'* mazhab Hanafi<sup>403</sup> mengatakan bahawa jual-beli sebegini hukumnya adalah tidak mengapa (harus) dan sah secara mutlak sama ada sifat keadaan barang tersebut telah dipersetujui atau tidak. Ini kerana pembeli masih mempunyai kuasa untuk menentukan kedudukan akad melalui *khiyār* setelah melihat barang tersebut.

Namun mereka masih mensyaratkan bahawa barang tersebut walaupun tidak dilihat tetapi sekurang-kurangnya mestilah diketahui jenisnya, wujud ketika akad dan ditunjukkan tempatnya.

Mazhab Shāfi'i<sup>404</sup> dan sebahagian ulama' yang lain seperti Ibn Qayyim<sup>405</sup> pula mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan larangan di dalam hadis tersebut ialah kepada semua jenis barang, sama ada sifat keadaanya telah diterangkan atau tidak. Ini kerana ia termasuk di dalam jual-beli *gharar* yang berkemungkinan dapat disempurnakan atau tidak penyerahannya.

<sup>402</sup> Hadis diriwayatkan oleh Abū Dāwud, *Sunan*, diedit oleh al-Albānī dan katanya hadis ini *ṣaḥīḥ*, jil. 2, m.s. 259

<sup>403</sup> Ibn al-Humām, *op. cit.*, jil. 6, m.s. 335; Ibn Taymiyyah, *al-Fatāwā al-Kubrā*, jil. 3, m.s. 416

<sup>404</sup> Al-Nawawī, *al-Majmū'*, jil. 9, m.s. 364; Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 580-581

<sup>405</sup> Ibn Qayyim, *Zād al-Ma'ād*, jil. 4, m.s. 265-266

Tetapi jika barang tersebut telah dipersetujui tentang sifat-sifat keadaannya, sebahagian ulama' yang lain seperti al-Baghawi<sup>406</sup> menganggapnya sama seperti *bay' al-salam* dan menghukumnya harus jika ia memenuhi syarat-syarat *salam*.

Sementara Imam Mālik dan kebanyakan ulama' Madinah serta sebahagian ulama' yang lain pula mengatakan bahawa jual-beli ini hanya dikira sah jika barang tersebut terdiri dari jenis yang tidak berubah sifatnya sepanjang tempoh jual-beli tersebut sehingga berlakunya *qabid*<sup>407</sup>.

Bagi mazhab Ḥanafī mereka berhujah bahawa Allah s.w.t. telah mengharuskan jual-beli secara umum dalam segala bentuk melalui firmanNya :-

وَاحْلَ اللَّهُ الْبَيْعُ وَحَرَمَ الرِّبَا

Maksudnya : "Dan Allah telah menghalalkan jual-beli dan mengharamkan riba".

Surah al-Baqarah (2): 275

Mereka mengatakan bahawa perkataan (البيع) tersebut adalah *ism mufrad* yang mengandungi (ال) *ma'rifah*. Oleh itu ia adalah lafaz am yang membawa maksud segala bentuk dan jenis jual-beli adalah halal kecuali jika ada dalil yang lain pula yang menataḥṣiḥkan nas tersebut seperti dengan jelas menunjukkan haramnya sesuatu jenis jual-beli.

<sup>406</sup> Al-Shawkānī, *op.cit.*, jil. 5, m.s. 253

<sup>407</sup> Ibn Rushd, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 185; Ibn Taymiyyah, *al-Fatāwā al-Kubrā*, jil. 3, m.s. 416

Pandangan ini telah dijawab oleh jumhur ulama' bahawa ayat tersebut telah ditakhiṣkan oleh hadis-hadis yang melarang jual-beli yang mengandungi unsur riba, *gharar* dan sebagainya. Dalam konteks jualan barang yang tiada di sisi penjual ini, terdapat hadis riwayat Abū Dāwud bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda :

لَا تَبْعَدْ مَا لِيْسَ عِنْكَ

Maksudnya : "Jangan kamu jual barang tidak ada di sisimu"<sup>408</sup>.

Namun *fugahā'* mazhab Ḥanafī berhujjah pula dengan mengatakan bahawa terdapat satu hadis lain yang menunjukkan secara jelas keharusan jualan tersebut iaitu sabda Nabi s.a.w. :

مَنْ اشترى شَيْئاً لَمْ يَرَهُ فَهُوَ بِالْخَيْرِ إِذَا رَأَاهُ إِنْ شَاءَ أَخْدُهُ وَإِنْ شَاءَ تَرَكَهُ

Maksudnya : "Barangsiapa yang membeli sesuatu barang yang tidak dilihatnya, maka baginya *khiyār* (pilihan) apabila dia melihatnya, jika dia mahu dia boleh mengambilnya dan jika tidak mahu, dia boleh meninggalkannya"<sup>409</sup>.

Namun hadis yang mereka gunakan ini adalah *da'i* menurut kesepakatan para ahli hadis kerana dua perkara iaitu<sup>410</sup> :-

1. Ia adalah hadis yang *mursal* di mana tidak terdapatnya *tābi'īn* dalam sanad hadis tersebut.

<sup>408</sup> Hadis diriwayatkan oleh Abū Dāwud, *Sunan*, edit. al-Albāñi, jil. 2, m.s. 259

<sup>409</sup> Al-Zaylā'i, "Abd Allāh ibn Yūsuf, *Nasb al-Rāyah Li al-Aḥādīth al-Hidāyah*, al-Qāhirah, Dār al-Hadīth, jil. 4, m.s. 9; Ibn al-Hūmām, *op. cit.*, jil. 6, m.s. 37

<sup>410</sup> Imam al-Qurtubī mengatakan bahawa hadis ini adalah *mursal* kerana salah seorang sanadnya iaitu Abū Bakr ibn Abū Maryam adalah seorang yang lemah. Sila lihat dalam al-Zaylā'i, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 9

2. Di dalam senarai sanad yang ada, terdapat Abū Bakr Abū Maryam yang dikira lemah oleh para ahli hadis secara sepakat.

Oleh itu hadis tersebut tidak boleh dijadikan sebagai satu hujjah untuk mengharuskannya secara mutlak dan dengan itu pendapat yang mengharuskan jualan ini secara mutlak adalah tidak kuat. Tetapi faktor *khiyār al-ru'yah* yang disebutkan dalam hadis di atas perlu juga diberikan perhatian. Kerana dengan kewujudan *khiyār* yang diiktiraf, secara langsung akan dapat mengelakkan sebarang penipuan dan perbalahan. Oleh itu, penulis berpendapat bahawa takrifan yang lebih sesuai bagi jualan barang yang tidak dilihat ini merujuk kepada barang yang tidak boleh dilakukan *khiyār* lagi dan jika *khiyār* dibenarkan maka dengan sendirinya menjadikan jual-beli itu diharuskan pengamalannya.

#### 2.11.9      **Jualan Ikan Di Dalam Air**

Jualan ikan dalam air sering dijadikan contoh dalam menerangkan bentuk jual-beli yang mengandungi *gharar*. Secara umumnya, jualan ini dilarang oleh Islam kerana penerimaan ikan tersebut tidak pasti dapat dilakukan bahkan keadaan ikan itu sendiri tidak dapat diketahui sama ada besar, kecil, banyak atau sedikit. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa keadaan jualan ikan di dalam air di mana ada keadaan jualan tersebut yang diterima oleh Islam dan ada pula yang ditolak oleh Islam.

## i. Syarat Yang Disepakati

Para ulama' sepakat<sup>411</sup> dalam mengatakan bahawa jualan ikan yang berada bebas di dalam sungai atau kolam yang luas adalah tidak sah kerana unsur *gharar* yang wujud padanya itu amat jelas dan ketara iaitu keadaan barang jualan serta penerimaan barang jualan juga tidak dapat dipastikan.

Sabda Nabi s.a.w. :

لَا تَشْتَرُوا السَّمْكَ فِي الْمَاءِ إِنَّهُ غَرَرٌ

Maksudnya : " Janganlah kamu membeli ikan di dalam air kerana ia adalah suatu *gharar*<sup>412</sup>".

Rupa bentuk dan keadaan ikan tersebut hanya dapat ditentukan dan dipastikan sifat-sifatnya apabila ia telah dapat ditangkap dan diperlihatkan oleh pembeli berkenaan.

Keadaan ini agak berbeza jika ikan-ikan tersebut berada di dalam keadaan yang mudah untuk diperolehi seperti di dalam sangkar dan sebagainya. Dalam kes ini para ulama' bersepakat pula mengatakan bahawa jualannya adalah sah kerana ia mampu diserahkan dan boleh pula diperlihatkan bahkan boleh dipilih pula oleh pembeli tersebut.

<sup>411</sup> Hammad Raḍwān Hammad, *op. cit.*, m.s. 172

<sup>412</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Bayhaqī, *Kitāb al-Sunan al-Ṣaghīr*, 1993, Bayrūt : Dār al-Fikr, jil. 1, m.s. 490

## ii. Syarat Yang Khilaf

Para ulama' berbeza pendapat jika ikan-ikan tersebut berada di dalam kolam atau sungai yang kecil. Imam Mālik<sup>413</sup> masih berpendapat bahawa ia termasuk di dalam larangan hadis tersebut kerana unsur *gharar* dalam jualan tersebut masih wujud. Namun kebanyakan *fūqahā'* berpendapat bahawa jualan sebegini adalah harus kerana unsur *gharar* yang wujud padanya itu walaupun masih ada tetapi ia dikira sedikit. Walau bagaimanapun, setiap mazhab tersebut mempunyai syarat-syaratnya yang tersendiri di dalam menyatakan kelonggaran hukum tersebut.

Menurut mazhab Ḥanafī<sup>414</sup>, mereka mensyaratkan bahawa usaha untuk mengambil ikan tersebut mestilah mudah dan tidak perlu sehingga terpaksa menggunakan helah perburuan. Jika tidak ia dianggap sama seperti jika ikan tersebut berada di dalam kolam yang luas dan sukar untuk memastikan proses penyerahan mudah dilakukan.

Mazhab Shāfi‘ī<sup>415</sup> pula berpendapat bahawa kolam atau sungai tersebut mestilah tidak bersambungan dengan sungai yang lain dan usaha untuk menangkap ikannya pula hendaklah mudah dan tidak meletihkan.

Manakala *fūqahā'* mazhab Ḥanbali<sup>416</sup> pula memberikan tiga syarat iaitu ikan tersebut adalah benar-benar dimiliki oleh penjual berkenaan, sementara air

<sup>413</sup> *Shurūh al-Risalah*, op. cit., jil. 2, m.s. 129; *al-Qawāniḥ al-Fiqhīyyah*, m.s. 220

<sup>414</sup> Ibn al-Humām, op. cit., jil. 6, m.s. 416

<sup>415</sup> Al-Nawawī, *al-Majmū‘*, jil. 9, m.s. 343; al-Ramlī, op. cit., jil. 3, m.s. 416

<sup>416</sup> Ibn Qudāmah, op. cit., jil. 4, m.s. 272

kolam itu pula hendaklah cetek dan jernih sehingga membolehkan ikan tersebut dilihat dan diketahui keadaannya serta berkemampuan pula untuk menangkapnya.

Penulis mendapati bahawa syarat-syarat yang dikemukakan oleh para *fugahā'* itu menunjukkan bahawa unsur *gharar* yang masih ada dalam jualan ini terlalu sedikit dan kebarangkalian untuk berlaku sesuatu yang tidak diingini amat sedikit. Dengan cara ini, maslahah kedua-dua belah pihak benar-benar terpelihara.

#### 2.11.10 Jualan Burung Di Udara

Contoh yang biasa juga digunakan bagi contoh jual-beli *gharar* ialah jualan burung di udara. Para ulama' sepakat mengatakan bahawa tidak harus menjual burung di udara iaitu yang masih belum ditangkap kerana pada asasnya ia adalah sesuatu yang harus dimiliki oleh semua orang ketika ia belum menjadi milik sesiapa lagi<sup>417</sup>.

Ini kerana terdapat hadis yang melarang jualan ini dilakukan seperti hadis riwayat Ibn Mas'ūd bahawa Nabi s.a.w. melarang jualan burung di udara.

Namun para ulama' berbeza pendapat pula jika burung tersebut telah dapat ditangkap tetapi kemudiannya dilepaskan semula malah mereka telah membuat pemerincian terhadap hukum mengenai jualan burung ini. Sebahagian *fugahā'* iaitu ulama' daripada mazhab Ḥanafī<sup>418</sup> berpendapat bahawa jika burung itu terbang pulang semula kepada tuannya apabila tiba waktu malam serta ia

<sup>417</sup> Al-Shawkānī, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 148

<sup>418</sup> Ibn al-Humām, *op. cit.*, jil. 6, m.s. 410

mampu pula ditangkap tanpa bersusah-payah, maka hukumnya harus jualan tersebut dengan beranggapan bahawa ia mampu untuk diserahkan.

Manakala sebahagian ulama' yang lain daripada mazhab Shāfi'i<sup>419</sup> dan Ḥanbalī<sup>420</sup> pula masih tetap beranggapan bahawa jualan seperti itu masih lagi tidak diharuskan. Bagi mereka sama sahaja jika burung itu akan pulang semula kepada tuannya atau tidak. Apa yang penting ialah selagi ia berada di udara belum tentu ia akan pulang semula pada malamnya akibat pelbagai risiko yang kemungkinan boleh berlaku. Unsur penting yang mempengaruhi hukum menurut mereka ialah burung tersebut tidak dapat diserahkan ketika akad dan ini dikira mengandungi unsur *gharar*.

Manakala menurut *fuqahā'* Ḥanafiyah, kelakuan burung tersebut yang pada kebiasaananya pulang kepada tuannya itu boleh menghilangkan unsur *gharar* atau jika ianya masih ada pun, ia dimaafkan kerana dikira sedikit (يسير). Pendapat ini lebih cenderung untuk memudahkan proses jual-beli dilakukan dengan tidak memberatkan kedua-dua belah pihak.

Sementara *fuqahā'* mazhab Shāfi'i dan Ḥanbalī pula didapati lebih cenderung untuk berhati-hati atau mengambil jalan *ihtiyāt*. Mereka berpendapat demikian untuk menjaga maslahah orang ramai dan mengelak daripada berlakunya sebarang eksplotasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

<sup>419</sup> Al-Rāmilī, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 399

<sup>420</sup> Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 272

Ada pendapat yang cuba mengambil jalan tengah di antara kedua-dua pendapat tersebut iaitu dengan melihat kepada ‘urf sesuatu tempat di mana adakah jual-beli seperti ini telah diterima umum atau tidak. Begitu juga dengan melihat kepada jenis burung tersebut, adakah yang benar-benar konsisten akan pulang ke rumah tuannya atau pulang jarang-jarang sekali. ‘Urf sesuatu tempat yang berlainan tentunya akan menjadikan hukumnya juga berbeza mengikut kepelbagaiannya tempat tersebut<sup>421</sup>.

#### 2.11.11 Jualan Hutang Dengan Hutang

*Bay<sup>c</sup> al-dayn bi al-dayn* adalah sama dengan *bay<sup>c</sup> al-kālī' bi al-kālī'* iaitu sejenis jual-beli yang bermaksud jualan sesuatu hutang dengan sesuatu hutang yang lain. *Al-kālī'* pada asalnya bermakna *al-nasi'ah* iaitu bertangguh<sup>422</sup>. Terdapat beberapa hadis yang menunjukkan larangan terhadap jualan ini iaitu :

أَنَّ النَّبِيَّ (ص) نَهَىٰ عَنْ بَيْعِ الْكَالِيٰءِ بِالْكَالِيٰءِ

Maksudnya : “Bahawa Nabi s.a.w. melarang jual-beli hutang dengan hutang<sup>423</sup>”.

Perkataan *al-kālī'* (الكالىء ) pada asalnya digunakan bagi hutang iaitu apabila ia ditangguhkan, seperti jika seseorang itu membeli sesuatu barang secara bertangguh sehingga ke suatu tempoh tertentu dan apabila sampai tempoh tersebut

<sup>421</sup> Hammad Raḍwān Hammad, *op. cit.*, m.s. 175

<sup>422</sup> Al-Rāzī, *Mukhiṭar al-Šihāḥ*, *op. cit.*, m.s. 539

<sup>423</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Dār Qutnī, lihat al-Shawkānī, *op. cit.*, juz. 5, m.s. 156

dia tidak mampu untuk menjelaskan hutangnya itu lalu dia pun meminta untuk dilanjutkan lagi tempoh pembayaran tersebut dengan sedikit bayaran tambahan<sup>424</sup>.

Kedudukan hadis tersebut atau hadis yang sama dengannya seperti di dalam riwayat Ishāq dan al-Bazzār adalah lemah tetapi larangan terhadap jualan hutang yang dimaksudkannya adalah sesuatu yang diterima secara ijmak ulama' sebagaimana yang disebutkan oleh Imam Ahmad<sup>425</sup>, Ibn Qudāmah<sup>426</sup>, Ibn al-Mundhir<sup>427</sup>, Ibn Rushd<sup>428</sup>, Ibn Qayyim al-Jawziyyah<sup>429</sup>, Ibn Taymiyyah<sup>430</sup> dan al-Shawkānī<sup>431</sup> kerana ia mengandungi unsur *gharar* dan boleh membawa kepada perbalahan<sup>432</sup>.

Al-Shawkānī<sup>433</sup> menambah bahawa bukan setakat jualan ini sahaja yang dilarang bahkan hadis tersebut juga menunjukkan bahawa tidak harus menjual semua jenis barang yang tidak ada dengan sesuai yang tidak ada ketika akad (بيع المعدوم بالمعدوم).

#### 2.11.12 Dua Jual Beli Dalam Satu Jualan

Terdapat beberapa hadis yang menjelaskan larangan terhadap jualan berbentuk begini iaitu :

<sup>424</sup> Al-Šan‘ānī, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 858

<sup>425</sup> Al-Shawkānī, *op. cit.*, juz. 5, m.s. 156; al-Šan‘ānī, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 858

<sup>426</sup> Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 224

<sup>427</sup> Ibn al-Mundhir, *al-Ijmā'*, m.s. 53

<sup>428</sup> Ibn Rushd, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 157

<sup>429</sup> Ibn Qayyim, *Flām al-Muwaqqi 'In*, jil. 1, m.s. 350

<sup>430</sup> *Ibid.*, jil. 2, m.s. 8-9

<sup>431</sup> Al-Shawkānī, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 156-157

<sup>432</sup> Yusuf Kamāl Muhammād, *op. cit.*, m.s. 198

<sup>433</sup> Al-Shawkānī, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 156

عن أبي هريرة قال نهى رسول الله (ص) عن بيعتين في بيعة

Maksudnya : "Abū Hurayrah mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. melarang membuat dua jual-beli di dalam satu jual-beli<sup>434</sup>".

Walaupun hadis di atas dengan jelas menerangkan larangan terhadap jualan tersebut, namun terdapat tiga tafsiran<sup>435</sup> ulama' terhadap maksud dua jualan seperti yang terkandung di dalam hadis. Tafsiran tersebut adalah seperti berikut :-

1. Tafsiran yang mengaitkan dua barang dengan dua harga seperti dalam *sighah akad*, "aku jual barang ini dengan harga sekian-sekian dengan syarat jika engkau jual rumah ini dengan harga sekian-sekian". Ini adalah salah satu definisi menurut Imam Shāfi'i<sup>436</sup> dengan alasan bahawa ia dilarang kerana penyandaran akad jualan itu dibuat kepada satu lagi jualan lain yang akan datang bahkan tidak pasti pula sama ada ia dapat dilakukan atau tidak<sup>437</sup>. Keadaan ini seolah-olah ingin memerangkap pembeli agar menjual pula sesuatu miliknya dengan mengikut kehendak penjual.
2. Definisi yang mengaitkan dua harga untuk satu barang iaitu seperti penjualan sesuatu barang secara tunai lebih murah berbanding dengan harga barang tersebut jika dibeli secara hutang. Apa yang penting dalam majlis akad tersebut ialah pembeli tidak menentukan pilihan yang dipersetujui olehnya ketika itu sama ada pembelian itu dibuat secara tunai ataupun hutang dan ia masih tergantung.

<sup>434</sup> Hadis diriwayatkan oleh al-Tirmidhi, lihat dalam al-Mubārakfūri, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 346, hadis no. 1231 dan beliau mengatakan bahawa ia adalah *hasan sahīh*.

<sup>435</sup> Yusuf Kamāl Muhammad, *op. cit.*, m.s. 197

<sup>436</sup> Al-Šan‘āni, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 809; al-Shawkāni, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 152

<sup>437</sup> Al-Šan‘āni, *op. cit.*

Ini adalah pendapat Imam Shāfi‘ī, al-Qādī Husayn, Abū ‘Ubayd al-Qāsim ibn Salīm dan lain-lain<sup>438</sup>.

Mereka berpandangan sedemikian kerana apabila pembeli tidak memutuskan pilihannya dengan jelas, maka harga barang tidak dapat dipastikan bahkan bagi sesetengah *fuqahā'* mereka berpandangan bahawa jualan seperti ini termasuk di dalam riba kerana wujudnya pertambahan harga disebabkan penangguhan dalam pembayaran<sup>439</sup>.

3. Definisi yang mengaitkan dua barang dengan satu harga sahaja iaitu jika seseorang penjual itu berkata, “ambilah dua barang ini dengan harga sekiansekian”<sup>440</sup>.

Ada sesetengah *fuqahā'*<sup>441</sup> beranggapan bahawa jual-beli ini mempunyai maksud yang sama dengan ‘dua akad di dalam satu akad’ (*صفيتين في صفة*) sebagaimana yang terdapat di dalam hadis Ibn Mas‘ūd yang diriwayatkan oleh Aḥmad, al-Bazzār dan al-Ṭabarānī, iaitu :

نَهَى النَّبِيُّ (ص) عَنْ صَفَتَيْنِ فِي صَفَةٍ وَاحِدَةٍ

Maksudnya : “Bahawa Nabi s.a.w. melarang dua akad di dalam satu akad”<sup>442</sup>.

<sup>438</sup> Al-Shawkānī, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 152 ; Ibn al-Humām, *op. cit.*, jil. 6, m.s. 446-447

<sup>439</sup> Al-Šan‘ānī, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 809

<sup>440</sup> Yūsuf Karmāl Muḥammad, *op. cit.*, m.s. 197

<sup>441</sup> Al-Šan‘ānī, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 153

<sup>442</sup> Al-Haythamī, *Majma‘ al-Zawā‘id*, jil. 4, m.s. 84 ; al-Shawkānī, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 249

Namun pendapat ini ditolak oleh *fugahā'* yang lain dengan alasan bahawa maksud dua akad tersebut adalah umum iaitu meliputi sama ada akad jual-beli, pinjaman, gadaian, sewaan, akad kahwin dan sebagainya. Dua akad jualan di dalam satu akad itu adalah sebahagian daripadanya sahaja, tidak sebaliknya atau sama dengannya<sup>443</sup>.

Semua ulama' menolak jual-beli ini dengan alasan wujudnya unsur *gharar* kecuali Imam Mālik yang memperincikan alasannya mengikut keadaan sesuatu jual-beli tersebut. Menurut beliau, ada sesetengah jual-beli itu dilarang kerana ia termasuk di dalam skop *gharar* dan ada juga diantaranya dilarang sebagai jalan untuk menyekat daripada terjerumus ke dalam riba<sup>444</sup>.

#### 2.11.13      *Bay<sup>c</sup> al-Muḍāmīn* Dan *Bay<sup>c</sup> al-Mulāqīh*

*Bay<sup>c</sup> al-mulāqīh* adalah jual-beli sesuatu anak yang masih berada di dalam perut binatang atau dengan kata lain ia adalah jualan janin<sup>445</sup>. Sementara *bay<sup>c</sup> al-muḍāmīn* pula ialah jual-beli air benih jantan (sesuatu yang berada di dalam sulbi haiwan jantan)<sup>446</sup>. Sesetengah ulama' pula memberikan takrifan yang terbalik terhadap kedua-duanya<sup>447</sup>.

Jual beli ini mempunyai sedikit persamaan dengan *bay<sup>c</sup> ḥabal al-ḥabalah* dalam salah satu takrifannya. Walau bagaimanapun, Ibn Mundhir mengatakan

<sup>443</sup> Ibn al-Humām, *op. cit.*, jil. 6, m.s. 447

<sup>444</sup> Ibn Rushd, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 127-128

<sup>445</sup> Ibn al-Humām, *op. cit.*, jil. 6, m.s. 411; Yusuf Kamāl Muḥammad, *op. cit.*, m.s. 197

<sup>446</sup> Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 27; Yusuf Kamāl Muḥammad, *op. cit.*

<sup>447</sup> Ibn al-Humām, *op. cit.*

bahawa para ulama' sepakat mengatakan bahawa kedua-dua tafsiran itu mempunyai hukum yang sam iaitu tidak diharuskan pengamalannya<sup>448</sup>.

Penulis tidak berhasrat untuk menulis dengan panjang lebar berkenaan tajuk ini disebabkan persamaan yang wujud di antaranya dengan *bay<sup>c</sup> habal al-habalah* tersebut iaitu pada *cillah* hukumnya sama ada *majhūl* pada sifatnya atau ketidakpastian penyerahan barang jualan.

#### 2.11.14      *Bay<sup>c</sup> al-Ābiq*

Jual-beli ini bermaksud jualan sesuatu yang dimiliki seperti hamba atau haiwan ternakan yang telah lari atau hilang daripada jagaan tuannya<sup>449</sup>.

Para ulama' berbeza pendapat mengenai hukumnya dan kebanyakan *fuqahā'* mengatakan bahawa jual-beli ini adalah tidak harus, iaitu ulama' daripada mazhab Ḥanaffī<sup>450</sup>, Mālikī<sup>451</sup>, Shāfi‘ī<sup>452</sup> dan Ḥanbalī<sup>453</sup>.

Namun terdapat sebahagian ulama' yang berpendapat bahawa tidak mengapa jualan ini dilakukan dan mereka adalah seperti Ibn Sirīn<sup>454</sup> dan mazhab Zāhirī<sup>455</sup>.

<sup>448</sup> Ibn Qudāmah, *op. cit.*

<sup>449</sup> Al-Jurjānī, *al-Ta‘rifāt*, m.s. 7

<sup>450</sup> Ibn ‘Abidin, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 112

<sup>451</sup> Ibn Rushd, *op. cit.*, jil. 2, m.s. 158

<sup>452</sup> Al-Nawawī, *al-Majmū‘*, jil. 9, m.s. 343

<sup>453</sup> Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 271

<sup>454</sup> Al-Shawkānī, *op. cit.*, jil. 6, m.s. 232

<sup>455</sup> Ibn Hazm, *op. cit.*, jil. 9, m.s. 260

Imam Malik hanya menganggapnya harus jika sifat barang dan tempatnya itu diketahui oleh kedua-dua pihak pembeli dan penjual<sup>456</sup>. Berlainan pula dengan Ibn Qudāmah yang berpendapat bahawa pada asasnya jualan hamba atau binatang yang hilang ini adalah dilarang oleh Islam walaupun diketahui tempatnya kerana ia masih tidak mampu diserahkan tetapi jika ia telah berada pada tangan seseorang maka hukumnya berubah menjadi harus kerana ia berupaya untuk diserahkan<sup>457</sup>.

### 2.11.15 *Bay<sup>c</sup> al-<sup>c</sup>Urbūn*<sup>458</sup>

*Bay<sup>c</sup> al-<sup>c</sup>urbūn* berlaku apabila pembeli membayar sebahagian daripada jumlah harga barang jualan sebagai wang pendahuluan sedangkan barang jualan belum diserahkan lagi dalam majlis akad. Jika pembelian itu disempurnakan bayarannya kelak, wang pendahuluan itu dikira sebahagian daripada jumlah harganya. Tetapi jika pembelian itu tidak disempurnakan maka bayaran pendahuluan itu dikira menjadi *hibah* kepada penjual<sup>459</sup>.

Dalam hal ini, pembeli diberi kebebasan untuk membuat pilihan sama ada untuk meneruskan jual-beli atau tidak sementara bagi pihak penjual pula, dia mestilah konsisten dengan akad jualan tersebut sehinggalah pembeli berkenaan membuat keputusannya yang muktamad<sup>460</sup>.

<sup>456</sup> Ibn Rushd, *op. cit.*

<sup>457</sup> Ibn Qudāmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 271

<sup>458</sup> Terdapat 6 jenis ungkapan yang digunakan tetapi mempunyai maksud yang sama iaitu *urbūn*, *urbān*, *arbab*, *arbān*, *irbān* dan *arbūn* tetapi yang paling fasih sebutannya ialah *arbab*, lafadz ini asalnya bukanlah daripada bahasa arab – al-Nawawi, *al-Majmū*, jil. 9, m.s. 368

<sup>459</sup> Al-Nawawi, *ibid.*, jil. 9, m.s. 369; al-Ābādī, *op. cit.*, jil. 9, m.s. 315; al-San<sup>6</sup>ani, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 811; al-Sayyid Sābiq, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 171

<sup>460</sup> *Ibid.*

Para ulama' telah berbeza pendapat dalam menentukan kesahihan jual-beli tersebut di mana jumhur ulama<sup>461</sup> berpendapat bahawa jual-beli ini dilarang oleh Islam disebabkan tiga perkara iaitu kerana terdapatnya unsur *gharar*, syarat yang disebutkan dalam akad jual-beli itu adalah tidak sah (*fâsid*) iaitu dengan menjadikan wang itu *hibah* dan kerana jelasnya hadis yang melarang jual-beli ini.

Terdapat beberapa hadis yang menyatakan larangan terhadapnya dan di antaranya ialah :

أَنْ رَسُولُ اللَّهِ (صَ) نَهَىٰ عَنِ بَيْعِ الْعَرْبَانِ

Maksudnya : "Bahawasanya Rasulullah s.a.w. melarang jual-beli *al-'urbān*"<sup>462</sup>.

Namun Imam Ahmad, Ibn °Umar, Saidina °Umar dan lain-lainnya<sup>463</sup> pula berpendapat bahawa harus hukumnya urusniaga ini dengan berhujjah bahawa hadis yang mengharamkannya itu adalah hadis yang lemah. Bahkan pernah diriwayatkan bahawa Nâfi° ibn °Abd al-Hârith (wakil kepada Khalifah °Umar) telah membeli sebuah rumah di Mekah daripada Šafwân ibn Umayyah dengan harga empat ribu dirham dengan syarat jika Saidina °Umar bersetuju

<sup>461</sup> Al-Nawawi, *al-Majmû'*, jil. 9, m.s. 369 – beliau berpendapat jika syarat bayaran sebahagian harga didahulukan dan akan menjadi milik penjual jika akad difasakhkan itu di sebutkan dalam majlis akad maka ia menjadikan akad tersebut tidak sah. Beliau juga menyebut bahawa pendapat yang sama disebutkan juga oleh Ibn °Abbâs, al-Hasan, Mâlik, Abû Hanîfah dan al-Shâfi'i. Lihat juga Wahbah al-Zuhayli (1989), *op. cit.*, jil. 4, m.s. 449; Mustafa al-Bughâ, *op. cit.*, juz. 6, m.s. 38; al-San'âni, *op. cit.*, al-Sayyid Sâbiq, *op. cit.*

<sup>462</sup> Hadis diriwayatkan oleh Mâlik, lihat dalam *al-Mawâ'id* (edit al-Muntaqâ) – jil. 4, m.s. 157. Tetapi hadis ini dikatakan *da'if* oleh segolongan ahli hadis, antaranya kerana sanad hadis, lihat dalam Ibn Qudâmah, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 233. Namun segolongan yang lain mengatakan bahawa hadis ini *sahîh*; lihat juga dalam Abû Dâwud, no. 3499 dalam *Awn al-Mâ'bûd*, jil. 9, m.s. 315; al-San'âni, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 811

<sup>463</sup> Imâm Nawawi, *al-Majmû'*, *op. cit.* - beliau menyebut bahawa Ibn Sirîn juga mengharuskan jual-beli ini.

dengan rumah itu maka jual-beli akan disempurnakan tetapi jika beliau tidak bersetuju maka Ṣafwān akan diberikan 400 dirham<sup>464</sup>.

Kedudukan hadis yang melarang jual-beli *al-curbūn* di atas telah dibincangkan dengan agak panjang lebar oleh para ulama'. Sebahagian ahli hadis antaranya ialah Imam Ahmad mengatakan bahawa ia adalah *da'if*<sup>465</sup> kerana sanadnya terputus dan rawi hadis yang sebenar tidak jelas sebagaimana yang tercatat dalam susunan sanadnya iaitu daripada <sup>6</sup>Amrū bin Shu'ayb daripada ayahnya daripada datuknya. Pertikaian berlaku dalam menentukan siapakah datuknya itu iaitu adakah datuknya yang sebenar iaitu Muḥammad yang merupakan seorang tābi'i<sup>6</sup> atau datuknya itu ialah moyangnya yang bernama <sup>6</sup>Abd Allah ibn <sup>6</sup>Amrū ibn al-Āṣ iaitu seorang sahabat Nabi s.a.w. Perkataan yang digunakan di dalam hadis untuk menunjukkan datuk dan moyang adalah sama iaitu *al-jadd* (الجد).

Jika datuknya itu ialah Muḥammad maka dia adalah seorang tābi'i<sup>6</sup>. Oleh itu hadis ini terputus sanad pada peringkat rawi sahabat. Jika datuknya itu <sup>6</sup>Abd Allah pula, maka pernahkah Shu'ayb bertemu dengannya?.

Namun hujjah ini telah dijawab oleh sebahagian ulama' yang lain dengan mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan datuknya itu ialah <sup>6</sup>Abd Allah, iaitu seorang sahabat Nabi s.a.w.. Oleh itu sanad hadis tersebut tidak terputus kerana sebenarnya beliaulah yang meriwayatkan hadis berkenaan dan telah

<sup>464</sup> Lihat dalam al-Nawawi, *al-Majmū'*, jil. 9, m.s. 369 – beliau tidak menyebut nilai 4 ribu sama ada dirham atau dinar begitu juga dengan nilai 400 tetapi dalam tulisan Ibn Qayyim dan Ibn Qudāmah ada disebutkan iaitu dirham; lihat juga al-Sayyid Sābiq, *op. cit.*

<sup>465</sup> Al-San'āni, *op. cit.*; Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, jil. 4, m.s. 449-450

dibuktikan bahawa Shu<sup>c</sup>ayb pernah bertemu dan mendengar daripadanya. Oleh itu sanad hadis ini yang jelasnya ialah daripada <sup>c</sup>Amrū daripada Shu<sup>c</sup>ayb daripada <sup>c</sup>Abd Allah daripada Rasulullah s.a.w. Perkataan datuknya itu hendaklah dipakai sebagai datuknya yang tertinggi iaitu <sup>c</sup>Abd Allah dan bukanlah datuknya yang rendah iaitu Muhammad<sup>466</sup>.

Dr. Wahbah al-Zuhayli pula berpegang dengan pendapat sebahagian ulama' lain yang menganggap bahawa hadis ini *da'i* kerana sanadnya yang terputus seperti yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Nasā'i, Abū Dāwud dan Imam Mālik. Bahkan beliau berpendapat bahawa jual-beli <sup>c</sup>urbūn adalah sah kerana ia telah menjadi adat kebiasaan orang ramai hari ini<sup>467</sup>.

Sementara itu di antara keputusan persidangan ulama' dunia pada tahun 1993 dalam Majma<sup>c</sup> al-Fiqh al-Islāmī telah bersepakat bahawa *bay<sup>c</sup> al-<sup>c</sup>urbūn* adalah harus hukumnya dengan tiga syarat, iaitu :

- i. Satu tempoh masa yang jelas mestilah ditentukan untuk pembeli membuat keputusannya.
- ii. Wang pendahuluan itu mestilah dikira sebagai sebahagian daripada harga barang belian jika pembelian itu dilaksanakan.
- iii. Wang pendahuluan itu akan menjadi milik penjual jika pembeli membatalkan pembeliannya itu<sup>468</sup>.

<sup>466</sup> Al-Ābādī, *op. cit.*, jil. 9, m.s. 315-317

<sup>467</sup> Wahbah al-Zuhayli (1989), *op. cit.*, jil. 4, m.s. 449 – nota kaki no. 2, beliau merujuk kepada *Subul al-Salām*, jil. 3, m.s. 17, *Nayl al-Awtār*, jil. 5, m.s. 153 dan *al-Mawtā*, jil. 2, m.s. 151

<sup>468</sup> Lihat dalam Wahbah al-Zuhayli (1996), *op. cit.*, jil. 9, m.s. 617 – Persidangan yang ke 8 di Brunei Darus Salam pada 21-27 Jun 1993.

Begitu juga dengan keputusan yang dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bahawa *bay<sup>c</sup> al-<sup>c</sup>urbūn* adalah diharuskan menurut perspektif Islam dan menganggap bahawa ia tidak bercanggah dengan prinsip shariah yang menerima *urf sahih*<sup>469</sup>.

## 2.12 Jual-Beli Yang DiKecualikan Daripada Larangan *Gharar*

### 2.12.1 *Bay<sup>c</sup> al-Salam*

Jual-beli menurut konsep *al-salam* adalah lawan bagi jual-beli yang biasa di mana dalam jual-beli biasa barang jualan itu wujud dan diserahkan kepada pembeli dengan imbalan pembayarannya dilakukan dalam majlis akad itu juga. Berbeza dengan jual-beli *salam* di mana hanya bayaran sahaja yang diserahkan dalam majlis akad tersebut tetapi barang jualan pula ditangguhkan penyerahannya pada suatu tarikh yang akan datang. Dalam majlis tersebut barang jualan itu hanya ditentukan sifat-sifat dan keadaannya sahaja kerana ia tidak wujud dalam majlis akad berkenaan.<sup>470</sup>

Jual-beli *salam* atau *salaf*<sup>471</sup> ini pada asalnya adalah termasuk di dalam kategori jual-beli yang mengandungi unsur-unsur *gharar* lantaran ia tidak dapat dilihat dan diserahkan ketika akad. Tetapi ia diharuskan kerana terdapatnya hajat dan kepentingan orang ramai yang kadang-kadang terpaksa menempah sesuatu barang yang pada ketika itu tidak ada di sisi penjual.

<sup>469</sup> *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti* (2002), Kuala Lumpur : Suruhanjaya Sekuriti, m.s. 36-37

<sup>470</sup> Al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *al-Iqnā<sup>c</sup>*, jil. 2, m.s. 39-40; al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā<sup>c</sup>*, jil. 3, m.s. 276; Ibn Qudāmah, *al-Shārh al-Kabīr*, jil. 3, m.s. 195; al-Kāṣānī, *op. cit.*, jil. 7, m.s. 3147

<sup>471</sup> *Al-salam* adalah bahasa penduduk Hijaz sementara *al-salaf* adalah bahasa orang Iraq. Ia dinamakan *salam* kerana bayaran barang jualan diterima dalam majlis akad dan ia dinamakan *salaf* pula kerana bayaran barang tersebut didahulukan daripada penyerahan barang, lihat dalam al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *al-Iqnā<sup>c</sup>*, jil. 2, m.s. 39

Jual-beli *salam* mestilah menggunakan *sigħħah salam* atau *salaf* sahaja untuk membezakannya daripada jual-beli biasa sebagaimana menurut pendapat ulama' mazhab Shāfi'i<sup>472</sup>, Zāhiri<sup>473</sup> dan sebahagian daripada Ḥanafi<sup>474</sup>. Tetapi ulama'-ulama' yang lain seperti ulama mazhab Ḥanafi<sup>475</sup>, Ḥanbali<sup>476</sup> dan sebahagian ulama' Shāfi'iyyah yang lain tidak pula mensyaratkan hanya dua istilah itu sahaja yang boleh digunakan. Menurut mereka, *salam* adalah sejenis jual-beli dan boleh juga digunakan istilah jual-beli atau apa-apa istilah yang diharuskan untuk menggambarkan berlakunya jual-beli tersebut.

Bayaran dalam jual-beli *salam* pula mestilah ditunaikan dalam majlis akad itu juga. Ini bertujuan untuk memudahkan penjual mendapatkan barang yang ditempah tersebut dan untuk mengelakkan daripada terjadinya jual-beli hutang dengan hutang (*bay' al-dayn bi al-dayn*). Sebagaimana yang telah disebutkan, pada asasnya jual-beli *salam* itu dianggap mengandungi *gharar* kerana penangguhan penyerahan barang jualan tetapi ia dimaafkan. Namun jika ditangguhkan pula bayaran harganya dalam majlis akad maka unsur *ghararnya* akan lebih bertambah lagi. Pendapat ini disuarakan oleh majoriti ulama' iaitu ulama'-ulama' dari mazhab Ḥanafi<sup>477</sup>, Shāfi'i<sup>478</sup> dan Ḥanbali<sup>479</sup>.

Berbeza dengan mazhab Mālikī<sup>480</sup> yang mengharuskan bayaran tersebut dilewatkan sehingga 3 hari daripada tarikh akad dilakukan. Menurut mereka tiga

<sup>472</sup> Al-Ramlī, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 182-183

<sup>473</sup> Ibn Hazm, *op. cit.*, jil. 10, m.s. 45

<sup>474</sup> Al-Kāṣāni, *op. cit.*, jil. 7, m.s. 3147

<sup>475</sup> *Ibid.*

<sup>476</sup> Al-Buhūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*, jil. 3, m.s. 214

<sup>477</sup> Al-Kāṣāni, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 202

<sup>478</sup> Al-Khatib al-Sharbī, *Mughnī al-Muhtāj*, jil. 2, m.s. 102

<sup>479</sup> Ibn Qudāmah, *al-Muġhnī*, jil. 4, m.s. 295

<sup>480</sup> Al-Dusūqī, *Hāshiyah al-Dusūqī*, jil. 3, m.s. 195; Al-Khurashi, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 202

hari adalah sedikit sahaja dan tidaklah keterlaluan (*fā'ish*). Ia samalah seperti jika dilewatkan penyerahan bayaran tunai sehingga ke akhir majlis akad dan hal ini dihukumkan harus. Mereka berpegang dengan kaedah fiqh, ‘apa-apa yang dikira menghampiri sesuatu maka ia dihukumkan sama sepertinya’<sup>481</sup>. Oleh itu menurut mereka tidaklah mengapa dilewatkan bayaran tersebut jika selang masanya itu tidak keterlaluan.

Walau bagaimanapun, para ulama<sup>482</sup> tersebut bersepakat pula mengatakan bahawa barang jualan dalam akad *salam* ini mestilah diketahui keadaannya, jenis, kadar dan sifat-sifatnya. Ia juga mestilah bebas daripada unsur-unsur riba dalam jual-beli tersebut contohnya jika bayaran dibuat dalam bentuk emas dan barang jualan juga adalah emas atau perak, maka mestilah menepati syarat-syarat pertukaran barang-an ribawi agar tidak terjerumus ke dalam kancang riba.

Mengenai tempoh masa penyerahan barang jualan tersebut, para ulama telah sependapat dalam mengatakan bahawa masa yang khusus mestilah ditentukan terlebih dahulu ketika akad. Ketetapan ini bertujuan untuk mengelak sebarang penipuan atau perbalahan yang kemungkinan besar boleh terjadi jika tidak ditentukan dengan tepat waktu penyerahan tersebut<sup>483</sup>. Mereka bersandarkan kepada firman Allah s.w.t. :

<sup>481</sup> Al-Tawāni, Abū al-Qāsim bin Muḥammad, *al-Isfāfi Bi al-Talab Mukhtaṣar Sharḥ al-Manhaj al-Muntakhab*, cet. pertama, 1975, Nagħażi : al-Maṭba'ah al-Ahliyyah, m.s. 36; lihat juga 'Alī Ahmad al-Nadwi, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, cet. ke 3, 1994, Dimashq : Dār al-Qalam, m.s. 352 – kaedah ini hanya ditemui di dalam tulisan ulama' mazhab Maliki seperti dalam tulisan al-Tawāni di atas, meskipun begitu ia masih menjadi perselisihan di kalangan ulama' terhadap penggunaannya sebab itulah al-Tawāni menulis “apa-apa yang menghampiri sesuatu adakah dihukum seerti atau tidak”.

<sup>482</sup> Al-Nawawī, *Rawḍah*, jil. 4, m.s. 14; al-Khurashi, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 212; al-Kāṣani, *op. cit.*, jil.

<sup>483</sup> 7, m.s. 3162; Ibn Qudāmah, *al-Muğhnī*, jil. 4, m.s. 324; al-Shawkāni, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 227

*Muğhnī*, jil. 4, m.s. 327; al-Khurashi, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 210

يَا لِيَهَا الَّذِينَ أَمْنَوْا إِذَا تَدَافَنْتُم بِدِينٍ إِلَى أَجْلٍ مُسْمَى فَاكْتُبُوهُ

Maksudnya : "Wahai orang-orang yang beriman apabila kamu melakukan sesuatu urusan secara hutang piutang yang diberi tempoh sehingga ke suatu tempoh yang tertentu maka hendaklah kamu menulisnya".

Surah al-Baqarah (2): 282

Meskipun begitu, mereka tidak bersepakat pula dalam menentukan kiraan masanya yang tepat. Kebanyakan ulama<sup>484</sup> berpendapat bahawa masa yang perlu ditentukan itu mestilah menurut kiraan hari dan bulan-bulan yang tertentu secara tepat. Mereka menyandarkan hujjah kepada firman Allah s.w.t. :

يَسْأَلُونَكُمْ عَنِ الْأَهْلَةِ قُلْ هُنَّ مُوَاقِطُونَ لِلنَّاسِ وَالْحَجَّ

Maksudnya : "Mereka bertanya kepadamu tentang anak bulan, katakanlah bahawa ia adalah tanda-tanda waktu bagi manusia dan bagi menunaikan haji".

Surah al-Baqarah (2): 189

Namun sebahagian ulama' yang lain pula seperti ulama' mazhab Mâlikî<sup>485</sup> dan satu pendapat daripada Imam Ahmad<sup>486</sup> mengatakan bahawa adalah harus juga untuk menggunakan ketentuan waktu yang dapat diketahui menurut adatnya dengan syarat tidak berlaku selang masa atau perbezaan yang ketara dari kebiasaan seperti dikatakan, "sehingga awal tahun depan" atau "sehingga pulangnya jemaah haji tahun ini" dan sebagainya.

<sup>484</sup> Ibn Qudâmah, *al-Mughnî*, jil. 4, m.s. 329; al-Nawawî, *Rawdah*, jil. 4, m.s. 7; Ibn al-Humâm, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 222

<sup>485</sup> Al-Khurashî, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 210

<sup>486</sup> Ibn Qudâmah, *al-Mughnî*, jil. 4, m.s. 329

Dr. Muḥammad Ṣalāḥ al-Ṣāwi<sup>487</sup> lebih cenderung untuk *mentarjiḥ* pendapat mazhab Mālikī kerana ketentuan tersebut boleh juga dikira sebagai suatu ketentuan yang dapat diketahui dengan jelas dan pada kebiasaannya pula tidaklah sehingga membawa kepada perbalahan jika perbezaan hari yang berlaku hanya sedikit sahaja. Walau bagaimanapun, menetapkan tempohnya mengikut hari atau tarikh yang tepat adalah lebih baik dan lebih sempurna namun dalam hal ini keharusan yang minima boleh dipraktikkan seperti menurut pendapat mazhab Mālikī tersebut.

Dalam pada itu secara umumnya barang jualan yang ditempah itu mestilah mampu untuk diserahkan kepada pembeli apabila sampai tempoh waktunya dan tidak ada khilaf di kalangan *fugahā'* dalam hal ini. Mereka hanya berbeza pandangan dalam menentukan sama ada barang tersebut perlu wujud ketika akad atau tidak yang walaupun tidak berada di sisi penjual. *Fugahā'* mazhab Ḥanafī<sup>488</sup> menegaskan bahawa barang tempahan tersebut mestilah wujud semenjak akad tersebut dilakukan (walaupun tiada di sisi penjual). Ini kerana ia adalah satu jaminan untuk memastikan kemampuan penjual menyerahkan barang tersebut benar-benar dapat dilakukan.

Tetapi kebanyakan ulama' yang lain<sup>489</sup> tidak sependapat dengan mereka kerana bagi mereka apa yang penting ialah barang tersebut mestilah dapat diserahkan apabila sampai tempohnya. Mereka berhujjah bahawa ketika Nabi s.a.w. sampai di Madinah, baginda mendapati bahawa penduduk Madinah

<sup>487</sup> Muḥammad Ṣalāḥ al-Ṣāwi, *op. cit.*, m.s. 256

<sup>488</sup> Al-Kāṣānī, *op. cit.*, jil. 7, m.s. 3171

<sup>489</sup> Al-Dusūqī, *op. cit.*, jil. 3, m.s. 211; al-Shirāzī, *op. cit.*, jil. 1, m.s. 298; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, jil. 4, m.s. 293

melakukan jual-beli *salam* (tempahan) buah-buahan mengikut kiraan setahun atau dua tahun. Lalu baginda bersabda :

“Sesiapa yang melakukan tempahan maka hendaklah dia melakukannya menurut sukatan yang tertentu atau timbangan yang tertentu dan sehingga tempoh yang tertentu juga”.

Mereka berhujah dengan mengatakan bahawa dalam hadis di atas, baginda tidak pula mensyaratkan buah-buahan tersebut mestilah wujud ketika akad dilakukan. Bahkan jika melihatkan kepada konsep tempahan itu sendiri ia memberi dua kemungkinan iaitu sama ada barang tersebut belum lagi wujud ketika itu ataupun belum ada di sisi penjual. Dalam hadis tersebut, tempahan buah-buahan yang dibuat adalah untuk satu atau dua tahun berikutnya dan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa ia belum lagi wujud ketika akad tersebut dilakukan.

Mengenai *khiyār al-shart* dalam akad *al-salam* pula, para ulama' telah berselisih pendapat dalam menentukan keharusannya. Kebanyakan ulama' berpendapat bahawa tidak harus adanya *khiyār al-shart* dalam akad salam. Ini berbeza pula dengan mazhab Mālikī yang mengharuskan *khiyār al-shart* tetapi mestilah dengan memenuhi dua syarat berikut iaitu :-

- i. Tempoh masa yang dibenarkan untuk *khiyār* itu mestilah tidak lebih daripada tiga hari.

- ii. Bayaran pula hendaklah belum lagi dijelaskan dalam tempoh boleh *khiyār* tersebut sehingga dipastikan jual-beli itu ingin dilakukan oleh kedua belah pihak.

Majoriti ulama' yang menafikan *khiyār al-sharī'* tersebut memberikan alasan bahawa keharusan *khiyār* itu dengan sendirinya akan menafikan hak penjual untuk memiliki bayaran daripada pembeli. Sedangkan penerimaan bayaran tersebut daripada pembeli dalam majlis akad itu adalah di antara syarat sah dilakukan *salam*. Mazhab Mālikī juga pada asasnya memang mengakui bahawa *khiyār al-sharī'* ini tidak patut diharuskan dalam mana-mana akad yang mensyaratkan pemberian dan penerimaan barang (*al-taqābuḍ*) disempurnakan dalam majlis akad. Tetapi dalam akad *salam* mereka telah berpendapat untuk mengharuskan kelewatan pembayaran tersebut sehingga maksimum tiga hari lamanya dan oleh yang demikian adalah harus juga diberikan hak untuk *khiyār* dalam tempoh yang dibenarkan itu.

#### 2.12.2 *Bay' al-Istiṣnā'*

Selain daripada akad *salam* terdapat satu lagi akad untuk membuat tempahan barang tetapi mempunyai beberapa syarat yang berbeza sedikit dengannya, iaitu akad *al-istiṣnā'*. Pada asasnya akad *al-istiṣnā'* adalah sama dengan akad *salam* dari sudut jual-beli barang yang tidak wujud dalam majlis akad. Jual-beli *al-istiṣnā'* ini juga diharuskan oleh *fiqhā'* kerana terdapat beberapa keperluan dan kepentingan yang mendesak sehingga akad ini perlu juga diwujudkan.

Akad *al-istiqnā*<sup>c</sup> bermaksud akad tempahan untuk membeli sesuatu barang yang akan dibuat oleh seseorang, seperti menempah sepasang baju dan sebagainya. Menurut pendapat yang paling sahih dalam mazhab Ḥanafī, akad *al-istiqnā*<sup>c</sup> adalah sejenis jual-beli dan bukannya sekadar satu janji untuk membeli<sup>490</sup>.

Menurut ulama' mazhab Mālikī, Shāfi‘ī dan Hanbalī, akad *al-istiqnā*<sup>c</sup> diharuskan oleh syarak tetapi mestilah dengan memenuhi syarat-syarat seperti yang terdapat dalam akad *salam* dan di antaranya ialah pembeli mestilah menyerahkan bayaran barang tersebut secara keseluruhannya dalam majlis akad itu juga<sup>491</sup>. Akad ini seolah-olahnya tidak mempunyai apa-apa perbezaan dengan akad *salam* kecuali pada nama sahaja.

Tetapi ulama' mazhab Ḥanafī mengatakan bahawa akad *al-istiqnā*<sup>c</sup> dibina berdasarkan kaedah *al-istihsān* daripada hukum jual-beli dan akad *al-salam* dan bukanlah melalui kias sepenuhnya daripada akad *salam*. Ini kerana telah menjadi kebiasaan orang ramai dalam setiap zaman semenjak dahulu lagi melakukan tempahan untuk membuat barang-barang yang tertentu dan ia tidak pernah diengkari oleh mana-mana ulama'<sup>492</sup>. Namun adalah tidak tepat jika akad *al-istiqnā*<sup>c</sup> ini dikiaskan dengan akad *al-salam* kerana terdapat beberapa perbezaan yang ketara antara keduanya. Di antara perbezaan itu ialah :

<sup>490</sup> Ibn al-Humām, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 355; Ibn ‘Ābidīn, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 222; al-Fatāwā al-Hindiyyah, jil. 4, m.s. 504; al-Zarqā’, *Aqd al-Bay*<sup>f</sup>, m.s. 122

<sup>491</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, jil. 4, m.s. 632; Muṣṭafā al-Bughā (et. al.), *op. cit.*, juz. 6, m.s. 60

<sup>492</sup> Al-Kāsānī, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 2; al-Mabsūt, *op. cit.*, juz. 12, m.s. 138; Ibn al-Humām, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 255

- i ) Dalam akad *salam*, bayaran harga barang mestilah dijelaskan dalam majlis akad berbeza dengan akad *al-istiṣnā<sup>c</sup>* di mana menurut sebahagian ulama' bayaran tersebut hanya diwajibkan ketika barang tempahan diambil daripada penjual.
- ii ) Barang jualan dalam akad *salam* dianggap sebagai satu hutang atau tanggungan penjual kerana pembeli telahpun membayar harganya ketika akad dilakukan. Sedangkan dalam akad *al-istiṣnā<sup>c</sup>* pula, barang jualan tidak boleh dianggap sebagai hutang kerana bayaran belum lagi dibuat tetapi sebaliknya ia hanya dianggap sebagai satu tanggungjawab penjual untuk menyiapkannya kerana menjadi tanggungjawab pembeli pula untuk membayar harganya.
- iii ) Menurut Imam Abū Ḥanīfah<sup>493</sup>, dalam akad *al-istiṣnā<sup>c</sup>* tempoh waktu untuk menyiapkan barang yang ditempah itu tidak boleh ditentukan atau dihadkan dan ini berbeza dengan akad *salam* yang mewajibkan satu tempoh tertentu ditetapkan kepada penjual untuk menyerahkan barang yang ditempah itu.

Walau bagaimanapun, Abū Yūsuf dan Muḥammad<sup>494</sup> tidak bersetuju dengan pandangan Abū Ḥanīfah tersebut. Mereka berpendapat bahawa sepatutnya mestilah ada satu tempoh yang tertentu yang dipersetujui bersama kerana menurut adat pengamalan akad *al-istiṣnā<sup>c</sup>*, satu tempoh yang tertentu akan ditentukan kepada penjual untuk menyiap

<sup>493</sup> Ibn ‘Ābidīn, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 223; Ibn al-Humām, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 355

<sup>494</sup> *Ibid.*

dan menyerahkan barang tempahan tersebut. Manakala ulama' mazhab Shāfi'i tidak pula mengatakan bahawa tempoh masanya itu mestilah ditentukan tetapi menurut mereka adalah harus sama ada untuk menentukannya dalam majlis akad atau tidak<sup>495</sup>.

Mereka bagaimanapun sependapat pula dalam syarat-syarat akad *istiṣnā*<sup>c</sup> yang lain seperti syarat berhubung keadaan barang tempahan itu sendiri yang mestilah diketahui keadaan, sifat dan kadarnya. Ia juga mestilah terdiri daripada jenis barang yang berkemampuan dibuat dan disiapkan menurut adatnya.

Sesuatu yang agak menghairankan ialah apabila Abū Ḥanifah dan Muḥammad mengatakan bahawa pembeli boleh untuk melakukan *khiyār al-ru'yah* apabila barang yang ditempah itu telah disiapkan oleh penjual dan dilihat oleh pembeli namun ini tentunya tidak dipersetujui oleh ulama'-ulama' yang lain. Abū Yūsuf sendiri misalnya tidak bersetuju dengan pendapat tersebut bahkan beliau menegaskan bahawa ketika itu adalah wajib bagi pembeli berkenaan mengambil dan membayar harga barang tersebut. Tidak ada *khiyār* lagi bagi pembeli kecuali jika sifat-sifat barang yang dibuat itu didapati menyalahi sifat-sifat barang sebagaimana yang dimintanya ketika majlis akad dahulu. Menurut beliau, dalam konteks ini hukumnya adalah sama seperti barang jualan yang dilaksanakan secara *salam* di mana tidak ada lagi baginya *khiyār al-ru'yah* dengan semata-mata dengan penglihatan tersebut<sup>496</sup>.

<sup>495</sup> Al-Suyūtī, *al-Ashbāh*, m.s.89

<sup>496</sup> Al-Kāṣānī, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 3; Ibn al-Hūmām, *op. cit.*, jil. 5, m.s. 356; Ibn Ḩābidīn, *op. cit.*, jil. 4, m.s. 223

Syarat ini amat penting untuk diterimapakai kerana melalui syarat ini ia dapat menaga masalah penjual yang telah bertanggungjawab menyiankan barang tersebut atau dia bukan orang yang berjimat dan barang tersebut ditukar atau pembeli mengambil barang yang di dokumentari dengan bukti sebagai barang yang dibeli. Dengan peraturan ini maka pembeli boleh mendapat barang yang dibeli dan penjual tidak boleh mengambil barang yang dibeli.

Peraturan ini juga memberi perlindungan kepada pembeli daripada penjual yang

Pengharamannya juga menuntut satu perhatian yang serius daripada umat Islam kerana ia juga sama seperti larangan terhadap riba.

*Gharar* bermaksud suatu ketidakpastian iaitu meliputi ketidakpastian terhadap sifat atau keadaan barang dan juga ketidakpastian terhadap penyerahan barang. Ia juga meliputi maksud penipuan kerana di antara tujuan utama sesuatu jualan *gharar* adalah sebagai jalan keluar bagi pihak penjual untuk melepaskan masalah yang dihadapinya terhadap barang jualan dengan mendapatkan wang yang mudah. Semua risiko ketidakpastian itu pula diletakkan sepenuhnya di atas bahu penjual untuk menanggung kerugiannya.

Walau bagaimanapun, larangan terhadap *gharar* tidaklah sehebat larangan terhadap riba kerana sesuatu *gharar* itu boleh dihilangkan dalam sesuatu akad jual-beli melalui beberapa syarat yang dimasukkan bersama untuk menjamin maslahah kedua-dua pihak yang berurusniaga seperti melalui pengwujudan *khiyār al-ru'yah*, persepakatan terhadap sifat-sifat barang jualan dengan jelasnya, jaminan terhadap penyerahan barang jualan dan sebagainya. Secara umumnya unsur *gharar* akan wujud apabila wujudnya unsur *majhūl*, tidak mampu diserahkan ataupun penyerahan kepada nasib semata-mata (perjudian). Oleh itu jika *'illah* sesuatu hukum itu dapat dihilangkan maka hilanglah hukum yang ada padanya itu dan ia akan berubah kepada hukum yang lain.

Hanya *gharar* yang keterlaluan sahaja akan memberi kesan perubahan hukum pada urusniaganya manakala *gharar* yang sedikit dimaafkan oleh syarak. Dr. Siddiq al-Darī telah mengemukakan beberapa rumusan yang boleh menjadi

petunjuk untuk mengenali unsur gharar yang keterlaluan sehingga mempengaruhi hukumnya iaitu<sup>498</sup>:

- i. Unsur itu mestilah wujud dalam akad pertukaran barang sahaja.
- ii. Kapasitinya begitu ketara dan keterlaluan.
- iii. Ia mestilah wujud pada barang pertukaran dan bukannya pada perkara luaran.
- iv. Tiada keperluan yang mendesak supaya akad itu diteruskan juga.

---

<sup>498</sup> Muhammad Siddiq al-Darir, *op. cit.*, m.s. 584